

**Bil. 24**

**Selasa  
12 Mei 1998**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

## K A N D U N G A N

### USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1):

- Sistem UPU Infoline Kementerian Pendidikan – Kegagalan  
- *Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)* (Ruangan 1 )

### RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Ruangan 2 )

### RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 1998 (Ruangan 3 )
- Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1998 (Ruangan 16 )

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr.  
Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P.,  
S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K.,  
S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri  
Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M.,  
S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M.,  
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J.,  
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik,  
S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok,  
P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah  
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji  
Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk  
Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P.,  
A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji  
Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,  
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J.,  
S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N.,  
P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin  
Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P.,  
S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin  
Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J.,  
J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding,  
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

DR.12.5.1998

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad,  
P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che  
Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed,  
D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’  
Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter  
Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji  
Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’  
Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin  
Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K.  
(Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S.  
(Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat,  
Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N.,  
P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M.  
(Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong  
Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P.  
(Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran,  
D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar,  
D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin  
Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu  
Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C.,  
P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd.  
Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)

Yang Berhormat Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)

- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)

Yang Berhormat Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)

- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)

Yang Berhormat Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)

- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

- Yang Berhormat Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Pemangku Ketua Penolong Setiausaha	:	Haji Mustakin bin Selamat Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat	:	Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
-------------------	---	--

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
Selasa, 12 Mei 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

USUL MENANGGUHKAH MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Sistem UPU Infoline Kementerian Pendidikan - Kegagalan

2.34 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2), ingin saya memberi pemberitahu bahawa saya ingin mendapat izin untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk membincang masalah kegagalan sistem UPU Infoline Kementerian Pendidikan yang membawa gara-gara kekecohan yang menyusahkan ibu bapa dan penuntut mengakibatkan penangguhan sesi universiti selama seminggu, satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan dan usul saya berbunyi:

“Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) Majlis Mesyuarat ini mengizinkan Ahli Parlimen kawasan Kota Melaka, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng menangguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk membincang satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan iaitu masalah kegagalan sistem UPU Infoline Kementerian Pendidikan yang membawa gara-gara kekecohan yang menyusahkan ibu bapa dan penuntut mengakibatkan penangguhan sesi universiti selama seminggu yang menjejaskan usaha kerajaan menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan serantau yang cemerlang dan mencatatkan usaha menjayakan Koridor Raya Multimedia (KRM).”

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah tertentu kerana sistem UPU Infoline Kementerian Pendidikan untuk memproses permohonan universiti telah gagal sehingga mengakibatkan kebanyakan permohonan pelajar-pelajar ditolak sama ada kerana tidak menerima permohonan atau kononnya tidak memenuhi kelayakan yang ditetapkan. Ini adalah salah kerana kebanyakan daripada 112,000 pemohon telah pun membuat permohonan yang betul yang disahkan penerimaannya oleh Kementerian Pendidikan, tambahan pula adalah salah juga bahawa pemohon tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan kerana ada penuntut yang mendapat 5A ataupun 4A 1B dan 3A 2B yang ditolak permohonannya atas sebab itu. Adalah sungguh memalukan bahawa sistem komputer yang berharga berjuta-juta ringgit telah gagal memproses 112,000 permohonan sehingga menolak permohonan atas dasar yang tidak sah dan tidak berasas.

Yang sungguh mengejutkan ialah penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan bahawa kegagalan ini bukanlah kelemahan sistem UPU Infoline tetapi kesalahan 24,000 pelajar yang gagal mengisi borang permohonan dengan betul dan juga kelemahan teknik sistem komunikasi telefon. Untuk menyalahi pelajar-pelajar yang telah mendapat pengesahan permohonan mereka diterima untuk kelemahan diri sendiri adalah sesuatu sikap yang tidak bertanggungjawab dan tidak profesional.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah berkepentingan orang ramai kerana telah menyusahkan penuntut-penuntut dan ibu bapa yang terpaksa bimbang dan meluangkan masa ke Kementerian Pendidikan untuk menyiasat dan membetulkan

perkara ini. Ia juga telah mengakibatkan kerugian kewangan yang besar kepada semua pihak tetapi kerugian yang paling besar ialah menjejaskan imej negara dan juga usaha Malaysia menjadi pusat pendidikan cemerlang serantau ASEAN dan juga mempersoalkan sama ada Malaysia boleh mencapai usaha Koridor Raya Multimedia kalau perkara komputer yang begitu mudah dan senang ini tidak boleh dijayakan sehingga berlaku kekecohan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini perlu disegerakan untuk memastikan penuntut-penuntut tidak terkorban kerana kelemahan Kementerian Pendidikan dan memastikan pengajian universiti mereka tidak terganggu dan boleh berjalan dengan lancar. Saya telah menerima banyak panggilan daripada ibu bapa dan pelajar-pelajar yang risau bahawa peluang belajar ke universiti tempatan akan terancam bukan kerana mereka tidak layak tetapi kerana kegagalan Kementerian Pendidikan. Keengganan Kementerian Pendidikan mengakui kelemahannya dengan mengambil tindakan ke atas mereka yang bertanggungjawab dan sebaliknya menyalahkan penuntut-penuntut adalah juga dikesali dan mestilah dibetulkan. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahuan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari kawasan Kota Melaka pada 9 Mei 1998 jam 12.45 tengah hari. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan tadi oleh Yang Berhormat yang berkenaan.

Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu adalah perkara yang tertentu. Syarat yang kedua, ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga, ianya berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya mendapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu, ianya adalah bagi kepentingan orang ramai tetapi pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. Perkara ini telah pun berlalu dan jika ada apa-apa kesilapan dari mana-mana pihak pun, tidak ada faedahnya hendak membahas perkara yang telah berlaku itu. Selain daripada itu, saya diberitahu tidak ada apa-apa kerosakan komputer. Hanya komputer tidak boleh memproses borang-borang yang diisi salah atau tidak jelas oleh pemohon-pemohon. Perkara ini telah diperbaiki oleh kementerian dengan membetulkan semula borang-borang itu dan dimasukkan balik ke dalam komputer.

Berkenaan dengan status kejayaan permohonan, yang menjadi masalah ialah adanya pemohon-pemohon yang telah membuat penyemakan lebih awal daripada tarikh yang telah ditetapkan tetapi perkara ini telah dibaiki dengan kementerian menyiarkan maklumat melalui media massa.

Oleh yang demikian, keadaan sekarang tidak ada sebarang masalah lagi. Ibu bapa dan pemohon-pemohon boleh menyemak ataupun bertanya pada bila-bila masa kepada kementerian atas apa-apa kemusykilan yang mereka hadapi. Oleh yang demikian, perkara ini tidak perlu dibahaskan lagi.

Oleh yang demikian, saya menolak usul ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG PERUSAHAAN GETAH (PENANAMAN SEMULA) (PINDAAN) 1998**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) 1952; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG KERJA (PINDAAN) 1998****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [7 Mei 1998]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Timbalan Menteri diminta sambung jawapan Yang Berhormat.

2.42 ptg.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, pada hari Khamis lalu, saya telah pun menjawab hampir kesemua soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, cuma ada beberapa perkara sahaja lagi yang belum saya berikan pandangan.

Ahli Yang Berhormat dari Bintulu telah pun membangkitkan soal kelemahan Jabatan Tenaga Rakyat khususnya agensi pekerjaannya. Suka saya menyatakan bahawa Jabatan Tenaga Rakyat tidaklah lemah, begitu juga agensi pekerjaannya. Cuma, pada satu ketika dahulu waktu ekonomi begitu baik, maka memanglah kita semua tahu kita menghadapi keadaan full-employment. Pada ketika itu, rakyat kita tidak berminat untuk menggunakan perkhidmatan Jabatan Tenaga Rakyat ini kerana mereka boleh mendapat pekerjaan di mana-mana sahaja dengan sendiri mereka. Begitu juga, majikan tidak berminat untuk mendaftar diri atau tentang keperluan mereka dengan Jabatan Tenaga Rakyat oleh sebab apabila mereka berbuat begitu, kita tidak dapat membantu tetapi keadaan sekarang sudah pun berlainan oleh sebab kita dapati retrenchment di sana sini. Jadi, saya sukalah menggesa rakyat kita yang inginkan pekerjaan supaya mendaftar diri dengan Jabatan Tenaga Rakyat. Itu adalah satu khidmat percuma yang kita beri kepada rakyat. Begitu juga dengan majikan yang memerlukan pekerjaan. Kita berharap juga mereka akan mendaftar tentang keperluan mereka kerana pada kali ini mungkin kita dapat membantu mereka sedikit sebanyak. Mungkin tidak sepenuhnya tetapi sedikit sebanyak.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [Bangun]

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya ucap terima kasih di atas beberapa pandangan baik....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [Mengetuk pembesar suara]

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** .....yang telah pun diberikan oleh Ahli Yang Berhormat Senai dan juga Gelang Patah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang mengadakan pejabat di mana orang boleh mendaftar diri untuk mencari pekerjaan tetapi satu pertanyaan yang saya inginkan penjelasan daripada kementerian. Oleh kerana pada masa sekarang kita ada pejabat, macam di Kuching pun kita ada juga pejabat di mana orang-orang boleh mendaftarkan diri di pejabat berkenaan dan mungkin akan di'inline'kan di mana-mana pekerjaan yang sesuai bagi mereka tetapi keadaan yang ada pada masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, ialah kurang proaktif.

Apa yang saya kata kurang proaktif ialah kadang-kadang orang berumur macam 30 tahun, 40 tahun tidak tahu di mana letaknya pejabat itu, inikan pula budak-budak yang baru lepas sekolah, SPM, STPM umpamanya. Jadi, memang tidak tahu di mana letaknya pejabat yang berkenaan, walaupun pejabat itu ada di situ kerana saya bercakap daripada pengalaman sendiri. Banyak orang bertanya hendak mencari kerja,

wakil rakyat hendak mencari kerja untuk orang lepasan sekolah ini, memang ada masalah sedikitlah tetapi kalau nama-nama budak sekolah lepasan SPM atau STPM ini tidak boleh melanjutkan persekolahan mereka terutama sekali anak-anak kita dari luar bandar, mereka ini jangan hendak kata tahu tempat itu, jalan raya di bandar-bandar besar pun dia tidak tahu. Daripada sekolah dia balik ke kampung, lepas habis masa cuti sekolah. Jadi, mungkin pengalaman mereka dalam bandar itu adalah berkurangan sedikit.

Jadi, macam mana kalau pejabat ini diberi arahan agar mereka berhubung terus dengan sekolah-sekolah menengah yang mana ada anak murid mereka yang bakal akan meninggalkan bangku sekolah dan mungkin tidak dapat memasuki universiti ataupun institut pengajian tinggi memberi senarai – guru diminta memberi senarai nama anak-anak sekolah ke pejabat ini dan mungkin menerusi penyelidikan yang dibuat oleh pejabat ini akan shortlisted mana yang boleh pergi universiti dan yang mana satu lagi balik ke kampung dan akan duduk di kampung tidak tahu apa hendak dibuat kerana kebanyakan anak orang kampung. Orang bandar mungkin senang sedikit, akses dengan information dan sebagainya tetapi anak orang kampung, kalau di Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, ada banyak anak orang kampung balik dua hari, jangan cerita surat khabar, radio pun tidak sampai. Jadi, masalah ini berlaku.

Jadi, kalau pendaftaran budak-budak yang belum mendapat pekerjaan yang tidak memasuki institusi-institusi pengajian tinggi dibuat secara meluas dan diadakan di pejabat-pejabat yang Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi, berkemungkinan murid-murid lepasan sekolah ini akan mendapat pekerjaan oleh kerana, macam majikan-majikan yang berkehendakkan pekerja memang senang pergi ke pejabat ini tetapi adalah masalah sedikit untuk budak yang baru balik ke kampung untuk mendaftar diri. Jadi, macam mana pandangan kementerian? Terima kasih.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya kata perkara tugas dan tanggungjawab Jabatan Tenaga Rakyat telah pun dihebah sepanjang masa. Kita sudah hebah sepanjang masa dan saya berharap Ahli Yang Berhormat juga akan membantu kerajaan untuk menghebahkan lagi tentang khidmat ini lebih-lebih lagi sekarang kalau ada anak buah kita yang datang berjumpa dengan kita, rakyat yang kita wakili berjumpa dengan kita, kita bolehlah memberi nasihat kepada mereka supaya mereka cuba nasib juga dengan mendaftarkan diri dengan Jabatan Tenaga Rakyat.

Saya memang bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat supaya kita proaktif. Memang kita telah pun mengarahkan dan perkara ini sedang pun berlaku iaitu di mana pegawai-pegawai Jabatan Tenaga Rakyat khususnya pada bulan Oktober dan November mereka pergi merata-rata di sekolah menengah untuk memberi penerangan bukan sahaja tentang peluang-peluang pekerjaan tetapi juga tentang peluang-peluang latihan yang diberi, bukan sahaja oleh Institut Latihan Perindustrian di bawah Kementerian Sumber Manusia tetapi juga peluang-peluang latihan yang diberi oleh jabatan-jabatan yang lain seperti MARA dan sebagainya. Ini memanglah dijalankan sepanjang masa tetapi sudah tentulah oleh sebab pegawai kita tidak begitu ramai, maka kita tidaklah dapat, kata orang, merangkumi seluruh negara sepanjang masa.

Saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Senai dan juga Gelang Patah. Memang pandangan-pandangan itu secocok dengan pandangan kerajaan, juga Kementerian Sumber Manusia dan beberapa pandangan dan cadangan Ahli Yang Berhormat memang kita sedang ambil tindakan dalam pindaan yang sedang dibincangkan pada hari ini. Misalnya, Ahli Yang Berhormat dari Senai telah pun meminta supaya peluang ditambah kepada pekerja-pekerja yang tidak berpuas hati dengan keputusan majikan untuk mengambil tindakan dilanjutkan daripada 30 hari kepada 60 hari, ini memang kita sedang pinda di dalam Fasal 28. Begitu juga tentang umur pekerja yang bersara ataupun yang diberhentikan kerja lebih daripada 45 tahun supaya dibenarkan caruman EPF mereka telah juga saya jawab.

Saya pergi pula kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar. Sungguhpun saya telah jawab beberapa perkara pada hari Khamis dahulu tetapi ada satu, dua perkara yang belum saya jawab lagi iaitu beliau meminta supaya keputusan Mahkamah Buruh dijadikan keputusan yang muktamad dan supaya tidak perlu dibenarkan ada rayuan terus kepada Mahkamah Tinggi. Sukacita saya menyatakan bahawa orang-orang yang merayu keputusan Jabatan Buruh di Mahkamah Buruh ini ke Mahkamah Tinggi adalah lebih kurang sekadar 1% sahaja dan rayuan ini bukan sahaja sepanjang masa dibuat oleh majikan tetapi juga kerap dibuat oleh pekerja-pekerja. Oleh sebab itu Kementerian Sumber Manusia rasakan eloklah kita kekalkan dengan hak ini.

Mengenai PERKESO, memang ada peruntukan dalam undang-undang PERKESO yang mewajibkan majikan memberi kepada PERKESO apa-apa maklumat dan butir-butir lanjut sesuatu kes tuntutan dalam tempoh yang ditetapkan. Kegagalan majikan berbuat demikian biasanya kerana majikan susah untuk berhubung dengan pekerja-pekerja yang ditimpa kemalangan khususnya jika berlaku di kawasan pedalaman, manakala pejabat majikan pula terletak di kawasan bandar. Namun demikian, PERKESO mengambil pelbagai usaha yang sesuai untuk menyelesaikan kes sedemikian secepat mungkin. Kita tidak mempunyai banyak masalah di dalam hubungan ini di Semenanjung tetapi di Sarawak dan di Sabah, setengah-setengah tempat kawasan pedalaman memang kita menghadapi sedikit masalah, lebih-lebih lagi ada banyak pekerja ini yang bekerja kepada subkontraktor dan sebagainya, bukan kepada pemborong utama dan begitu juga ada yang bekerja sebagai piece-rate'. Jadi, memang kadang-kadang kita ada kekeliruan dalam hubungan ini dan oleh sebab fakta-fakta yang dikehendaki tidak boleh diberi dengan tepat, maka PERKESO juga tidak dapat mengambil tindakan sewajarnya dan dengan cepat untuk menyelesaikan perkara itu oleh sebab PERKESO juga mempunyai tanggungjawab dan amanah untuk menjaga tabung-tabung PERKESO itu supaya kita tidak membelanjakan dengan sewenang-wenangnya tanpa berjaga-berjaga.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang bersetuju, dari segi tindakan PERKESO saya bersetuju tetapi apa yang saya cadangkan itu berlandaskan kelemahan dari segi undang-undang. Saya bercakap juga menerusi pengalaman. Di pejabat saya ada tiga kes sekarang yang mana orang yang luka yang hendak dihubungi itu senang sahaja dicari tetapi yang masalahnya syarikat itu tidak hendak mencari kerana dalam undang-undang kita tidak ada mewajibkan syarikat ini memberi keputusan ataupun butir-butir yang diperlukan oleh PERKESO dengan seberapa cepat yang boleh. Kes yang saya sebut umpamanya berlaku di Mukah – kemalangan di Mukah. Syarikat ini syarikat di Sibu, jadi kompelin ini dibuat oleh orang di kawasan saya ke pejabat di Kuching. Jadi, orang Kuching tidak boleh hendak ambil tindakan oleh kerana pejabat PERKESO ada di Sibu. Jadi, orang Sibu itu meminta tetapi syarikat ini tidak kesah oleh kerana laporan dibuat di Kuching.

Jadi, oleh kerana masalah undang-undang yang tidak begitu ketat mewajibkan pihak majikan ini untuk memberi maklumat-maklumat yang perlu oleh pihak PERKESO, jadi PERKESO sendiri mendapat masalah walaupun orang biasa marahkan PERKESO sebenarnya tetapi yang salah di sini majikan yang tidak tolong, tidak beri kerjasama yang baik. Jadi, orang ini sudah setahun menunggu, jawapan tidak dibuat. Orang sampai ke pejabat wakil rakyat tanya, apa Yang Berhormat? Hendak cari kesalahan kerajaan sahaja ini, satu undi Dato'. Terima kasih.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Ya, itu sebagaimana yang telah dijawabkan oleh Ahli Yang Berhormat sendiri, bukanlah kesalahan undang-undang tetapi majikan-majikan yang tidak mahu memberi kerjasama. Saya mintalah Ahli Yang Berhormat kalau ada kes-kes spesifik seperti itu bolehlah berhubung dengan pegawai PERKESO yang berdekatan, insya-Allah mereka akan mengambil tindakan sewajarnya ataupun hantar terus kepada kementerian atau kepada saya.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah bertanya kenapakah kita telah menarik balik syarat dikenakan penjara ke atas majikan yang melanggar sesuatu undang-undang yang tersebut di dalam Akta Buruh ini. Pada mulanya kita memang hendak kenakan hukuman-hukuman yang cukup berat iaitu fine dari RM2,000 dinaikkan kepada RM10,000 dan kita hendak kenakan juga hukuman penjara tetapi selepas berunding dengan pelbagai persatuan-persatuan majikan, maka kita takut apabila kita kenakan hukuman yang begitu berat itu, ia sedikit sebanyak akan menakutkan pelabur dan sebagainya. Jadi, untuk imbangkan kepentingan semua pihak, maka kita telah pun gugurkan hukuman penjara itu.

Itu sahaja, cuma mengenai Ahli Yang Berhormat dari Kepong saya telah pun menjawab hampir kesemua soalnya tetapi beliau banyak berkisar tentang angka 500,000 pekerja yang kononnya MTUC telah menyatakan. Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa mengikut angka yang ada pada Kementerian Sumber Manusia dan juga pada kerajaan tidak ada retrenchment sebanyak 500,000, hanya ada dalam 30,000 atau 40,000 sahaja. Kalaulah benar ada 500,000 kita hendak tahu kerana kita mendapat desakan demi desakan daripada pelbagai majikan sepanjang masa untuk membenarkan mereka mengambil pekerja asing pada hari ini juga. Jadi, kalau benarlah ada rakyat kita yang telah retrenched dan tidak mendapat pekerjaan, maka bolehlah mereka menghubungi Jabatan Tenaga Rakyat dan kita akan cuba menyelesaikan perkara ini.

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Teluk Intan bangun, ya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan yang dikatakan telah kehilangan pekerjaan adalah di dalam lingkungan 40,000. Dalam lingkungan itu adalah yang telah berdaftar dengan pihak-pihak yang berkenaan tetapi yang kita sedia maklum ada ramai juga yang tidak didaftarkan, bukankah itu sedemikian?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat tahu, mengikut kuat kuasa undang-undang mulai 1 Februari, semua majikan yang hendak memberhentikan pekerja mesti lapor kepada Jabatan Buruh. Kalau dia tidak lapor dia melanggar undang-undang. Jadi, kita ada kuatkuasa undang-undang. Jadi, itu satu cara kita paksa majikan untuk melaporkan kepada kita.

Bukan sahaja mengenai orang yang daftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat untuk mencari pekerjaan, ini bukan soal mencari pekerjaan – retrenchment. Jadi, itu sahajalah yang kita ada, selain daripada itu kita tidak ada. Jadi, sudah tentu kalau orang begitu desprate, hendakkan kerja mereka sudah tentu akan mendaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat. Kalau mereka tidak mendaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat bermakna sungguhpun mereka telah pun diberhentikan, mereka tidak ada problem mungkin oleh sebab mereka telah pun mendapat pekerjaan ganti ataupun sengaja mereka hendak pergi membuat kursus lanjutan dan sebagainya. Maknanya mereka tidak ada masalah. Kalau mereka ada masalah, mereka boleh mendaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat, kita akan cuba membantu dengan percuma. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja sedikit sebanyak.....

**Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamed:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat...

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:**....jawapan saya kepada.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tanah Merah bangun.

**Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan kilang-kilang yang memberhentikan pekerja-pekerja tadi. Yang pertama tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata kebanyakan majikan memberitahu terlebih dahulu kepada pihak kementerian ketika dia hendak menutup kilangnya. Jadi, saya

hendak tahu kilang di Raub – kilang papan lapis dengan kilang kayu di Raub, adakah atau tidak memberitahu kepada kementerian Yang Berhormat yang mana kilangnya hendak ditutup. Kalau tidak ada bererti jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak betul sebab kilang itu sudah pun ditutup, pekerja-pekerjanya rata-rata mencari pekerjaan. Minta penjelasan.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kilang itu sudah ditutup – memang kilang sudah ditutup sepanjang masa, malah sebelum kegawatan ekonomi pun bukan sahaja kilang ditutup, kerajaan juga menggalakkan setengah-setengah kilang ditutup khususnya kilang-kilang yang banyak menggunakan tenaga manusia (labour intensive). Kita hendak kalau boleh mereka pindah pergi ke negara-negara yang labour intensive industry, kita menggalakkan. Jadi, di Raub ini kalau kilang itu sudah ditutup dan pekerjaanya tidak ada pekerjaan gantian, saya mintalah mereka mendaftar diri dengan Jabatan Tenaga Rakyat yang berdekatan. Kalau tidak salah saya di Bentong dan insya-Allah, kita akan cuba mencari kerja ganti kepada mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah jawapan saya kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 13 – [Cadangan Pindaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan]

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, Fasal 13. Saya mencadangkan satu tambahan kepada Fasal 13 yang berbunyi seperti berikut:

*“Every female employee shall, on application be given no pay 90 consecutive days after exhausting maternity leave of 60 days as of rights”.*

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada satu perubahan di seksyen 37(a), saya rasa ini adalah satu subseksyen yang perlu diberi keutamaan kerana dua faktor. Satu adalah memandangkan kerajaan kita kerap kali mengatakan kita negara ‘caring society’ di mana semua rakyat berbilang kaum diberi keutamaan, apatah lagi, ibu-ibu yang baru melahirkan anak yang diberi dari segi undang-undang 60 hari cuti dengan consecutive, tetapi selepas itu terpaksa balik bekerja. Jadi, dalam hal ini seperti yang sedia ada di luar negara terutama di negara-negara Barat, di Jepun dan sebagainya, saya cadangkan memandangkan kita pun adalah satu ‘caring society’, ibu-ibu yang melahirkan anak diberi tempoh masa sebanyak 90 hari selepas habis 60 hari, as a matter of right, dengan izin, supaya mereka dapat memberi lebih masa kepada anak-anak yang dilahirkan. Ibu-ibu juga memerlukan pertolongan ini lebih-lebih lagi perkara ini telah disambut dengan baik oleh pihak wanita di negara ini dan saya juga percaya bahawa baru-baru ini, lima tahun kebelakangan ini, kerajaan dan medical opinion, dengan izin, berpendapat bahawa susu ibu perlu diberi kepada anak-anak yang baru dilahirkan.

Memandangkan perkara semacam ini, selepas 60 hari kalau diberi tempoh masa yang lebih panjang kepada ibu-ibu untuk mengambil cuti dan berada di rumah untuk menjaga anak, mereka dapat memberi susu ibu yang sangat ‘material’, yang

sangat mustahak memberi zat-zat yang perlu kepada anak-anak. Jadi, dalam keadaan ini di Dewan yang mulia ini pun ada ibu-ibu yang lebih tahu, yang lebih akan memberi pandangan yang baik dan menyokong pandangan saya di mana seksyen 37(aaa) patut diterima dan diberi sebagai satu subseksyen dalam undang-undang tertentu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pemberitahu pindaan itu sekarang ini terbuka untuk dibahas. Tiada sesiapa yang berbahs, jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Pengerusi, Kementerian Sumber Manusia rasakan untuk menambah lagi 90 hari selepas memberi cuti 60 hari kepada wanita yang bersalin itu adalah tidak begitu munasabah dan saya rasa wanita juga tidak akan menyambut saranan ini kerana wanita pada ketika ini mendesak supaya mereka diberi hak yang sama, peluang pekerjaan yang lebih daripada apa yang mereka diberi pada ketika ini. Kalau kita memaksa majikan untuk memberi 90 hari lagi cuti selepas 60 hari itu, maka ini sedikit sebanyak akan membebankan majikan dan majikan tidak akan rela, tidak akan suka untuk menggajikan pekerja wanita kerana bebannya terlalu banyak – 60 hari selepas itu 90 hari. Ini akan mengganggu kerja-kerja mereka dan sudah tentu mereka akan pilih untuk mengambil pekerja lelaki daripada wanita sedangkan wanita pada ketika ini hanya 40% sahaja yang bekerja di negara kita sedangkan di negara-negara maju lebih 60%. Jadi, kita menggalakkan majikan supaya mengambil lagi pekerja-pekerja wanita.

Di samping itu, wanita juga mempunyai cuti-cuti yang lain. Dia boleh ambil cuti tahunan yang bergaji, cuti sakit bergaji dan cuti-cuti am bergaji dan sebagainya. Di samping itu pula, kalaulah ada wanita-wanita yang benar-benar tidak dapat menyambungkan pekerjaan mereka selepas 60 hari, maka pada ketika itu mereka boleh meminta surat pengesahan daripada doktor dan pada ketika itu mereka boleh mendapat cuti. Pada masa sekarang ini juga, di bawah peruntukan sedia ada di dalam Akta Kerja 1955, majikan-majikan adalah dilarang untuk memberhentikan perkhidmatan pekerja-pekerja wanita pada bila-bila masa dalam tempoh 90 hari selepas tamat kelayakan cuti bersalinnya sekiranya sebab-sebab beliau tidak dapat kembali bekerja adalah berkaitan dengan kehamilan ataupun kelahiran anaknya. Oleh sebab itu demi kepentingan wanita, untuk menggalakkan lebih ramai lagi wanita mendapat peluang pekerjaan, maka Kementerian Sumber Manusia rasakan pindaan ini haruslah ditolak.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang dicadangkan di dalam kertas pemberitahu pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 13** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 14 hingga 28** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 29** – [Cadangan Pindaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan]

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan Fasal 29 iaitu membatalkan seksyen 69A(b). Tuan Pengerusi, kalau kita baca seksyen 69A(b) yang berbunyi begini:

*“Section 69A of the principal Act is amended by substituting for paragraphs (a) and (b) the following paragraphs:*

- (a) is pending in any inquiry or proceedings under that Act;*
- (b) has been decided upon by the Minister under section 20(3) of that Act; or*

(c) *has been referred to, or is pending in any proceeding before, the Industrial Court."*

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, sebelum ini terkandung di dalam The Employment Act subseksyen (a) dan subseksyen (c), subseksyen baru yang dicadangkan oleh kementerian adalah subseksyen (b). Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini, jika seksyen 21(b) diluluskan, ia bermakna bahawa kes-kes yang telah dirujuk dari seksyen 20(3), saya baca, under the Industrial Relations Act 1967 Part V Representation on Dismissal, subsection (3), dengan izin:

*"Upon receiving the notification of the Director General under subsection (2), the Minister may, if he thinks fit refer the representation to the Court for an order."*

Tuan Pengerusi, bila seseorang telah dilucutkan atau dibuang kerja dan telah membuat satu representasi kepada Industrial Relations Officer dari segi Industrial Relations dan satu siasatan akan dibuat dari seksyen 20 di mana pihak Industrial Relations Officer, dengan izin, akan merujuk kepada Menteri untuk membuat satu keputusan adakah kes itu akan dirujuk kepada Mahkamah Industri. Selalunya satu keputusan dibuat oleh Menteri berkenaan dan kerap kali ada juga situasi di mana Menteri tersebut tidak merujuk kes itu ke Mahkamah Industri. Jadi, dalam keadaan ini objektif saya ialah walaupun kes itu tidak dirujuk dari segi seksyen 20(3) seorang pekerja yang telah kehilangan pekerjaan, dapat balik ke Mahkamah Buruh untuk melanjutkan kes beliau di sana, satu seksyen yang sedia ada sebelum ini dibenarkan. Apakah sebab-sebab yang tertentu kerajaan setakat ini tidak ingin membenarkan mereka datang balik ke Mahkamah Buruh, number satu.

Nombor dua, bila satu-satu kes dirujuk atau tidak dirujuk seperti yang dinyatakan di dalam seksyen 20(3), bila tidak dirujuk, ada di mana pekerja-pekerja satu dari tuntutan mereka adalah termination and retrenchment benefit, maka dengan sekali gus, oleh kerana seksyen ini, seksyen 20(3) yang difikirkan patut diterima seperti yang dicadangkan oleh Timbalan Menteri yang saya cadang dibatalkan, bermakna bahawa dengan sekali gus pekerja itu, walaupun kes beliau tidak dirujuk kepada Mahkamah Industri tidak boleh balik ke Mahkamah Buruh untuk mendapat benefit-benefit yang tertentu. Jadi, apakah akan terjadi kepada pekerja-pekerja yang ingin menuntut retrenchment and termination benefits. Apakah akan terjadi dalam hal ini. Jadi, jika kita tidak membatalkan seksyen 69A(b) bermakna dengan sekali gus kerajaan, selain daripada memberi satu jawapan yang munasabah yang dapat diterima oleh pekerja-pekerja akan membawa satu injustice kepada pekerja-pekerja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pemberitahu pindaan terbuka untuk dibahas sekarang. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Pengerusi, pindaan ini adalah dibawa oleh sebab kita mementingkan kepentingan pekerja dan pada masa yang sama kita hendak jaga dan imbangkan juga kepentingan majikan. Kementerian berpendapat bahawa sekiranya Menteri telah membuat keputusan ke atas sesuatu kes tuntutan pengajian semula (reinstatement) boleh atau tidak boleh dibenarkan untuk membuat tuntutan faedah penamatan kerja dan gaji ganti notis di Mahkamah Buruh, ini adalah kerana apa jua kepentingan pekerja berkenaan telah pun diberi pertimbangan sewajarnya semasa Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia membuat keputusan tersebut. Dia telah timbang both sides sebelum dia membuat keputusan.

Walau bagaimanapun, pekerja tersebut masih boleh membuat tuntutan, faedah-faedah statutory lain seperti bayaran kerja lebih masa, bayaran cuti tahunan, bayaran cuti am, bayaran cuti rehat dan lain-lain lagi di Mahkamah Buruh selepas Menteri membuat keputusan mengenai tuntutan pengajian semula pekerja tersebut. Oleh sebab itu saya cadangkan supaya pindaan itu ditolak.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang dicadangkan tadi di dalam kertas pemberitahu pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 29** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 30** – [Cadangan Pindaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan] – no bold.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih, saya percaya kawan-kawan di sebelah kiri ini semua akan bangun untuk berbahas.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Merapu.

**Tuan M. Kulasegaran:** Termasuk Timbalan Menteri. Tuan Pengerusi, seksyen 69B(2) adalah berbunyi begini, dengan izin:

*"For the purposes of this section, the term "wages" means wages as defined in section 2 but does not include any payment by way of commission, subsistence allowance or overtime payment."*

Tuan Pengerusi, sebenarnya kalau kita tengok dan baca dengan teliti Akta Kerja 1955 makna 'wages' diberi, dengan izin, huru-hara dengan satu definisi yang tidak tentu. Berapa parts dalam Employment Act definition of wages ada yang terkandung dengan overtime, ada yang tidak terkandung dengan komisyen, ada terkandung dengan bonus dan ada yang terkandung dengan tidak bonus.

Jadi, cadangan saya adalah bahawa satu makna yang seimbang yang boleh diterimapakai seperti yang terkandung di seksyen 2 Akta Kerja yang sedia ada patut diterimapakai dan bukan seperti yang dicadangkan oleh kementerian. Saya menghujahkan seperti itu kerana makna 'wages' yang sedia ada di seksyen 2 Akta Kerja adalah merangkumi semua faktor yang boleh diterima termasuk overtime payment dan sebagainya. Kalau kita meneliti seksyen 2 interpretasi dan juga termasuk 'case law' yang sedia ada, akan tetapi dengan tidak ada, mungkin ada sebab-sebab yang tertentu makna 'wages' sekarang diberi satu definisi yang ketat yang kurang ada effectiveness kepada pekerja-pekerja di negara ini dan satu daripada perkara itu adalah di mana gaji iaitu 'wages' sekarang tidak terkandung apa yang dikatakan "commission, subsistence allowance or overtime payment".

Yang menjadi masalah dalam perkara ini adalah apakah sebab-sebab yang tertentu kerajaan telah memberi satu makna yang baru kepada "wages" seperti yang telah ada dicadangkan di dalam seksyen 69B(2). Saya cadangkan bahawa ia dibatalkan dan maknanya diberi seperti yang terkandung di seksyen 2 of the principal Act. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pemberitahu pindaan terbuka untuk dibahas sekarang. Ya, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi.....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Merapu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang tidak merapu. Ini satu seksyen yang penting. Daripada pindaan ini nampaknya ada perbezaan konsep mengenai gaji di antara Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Yang Berhormat dari Teluk Intan dan sebagai Ahli Parlimen yang prihatin kepada.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, mukaddimah tidak perlu, Yang Berhormat. Tidak perlu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak perlu mukaddimah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya. [Ketawa]

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Merapulah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini bukan mukaddimah. Saya kata ada perbezaan di antara Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan Yang Berhormat dari Teluk Intan. Itu memang ada perbezaan, kalau tidak Yang Berhormat Teluk Intan tidak akan mengemukakan satu pindaan. Cuma ini sahaja, saya nampak Yang Berhormat – kita mesti mempertimbangkan “gaji” yang didefinisikan dalam rang undang-undang ini. Bagi sayalah tidak begitu ketara, ada samar-samar sedikit dan mungkin Yang Berhormat perlu mempertimbangkan lagi cadangan daripada Ahli Yang Berhormat Teluk Intan. Sebenarnya saya ada pendapat yang lain mengenai masalah yang sama juga di dalam seksyen ini selepas ini. Saya memang relevan kepada perkara yang dibangkitkan dan saya berharap Yang Berhormat dapat mempertimbangkan kerana memang istilah dan penakrifan yang diadakan di dalam akta ibu itu memang ada latar belakang yang tertentu. Sekarang kita hendak tukarkan kepada definisi yang baru. Inilah yang tidak merangkumi commission.....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Merapu sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:**....subsistence allowance ataupun overtime payment. Ini memang ada satu perubahan konsep di dalam Kementerian Sumber Manusia.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, terus masuk kepada tajuk, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang tajuk, saya berharap.....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia merapu sahaja, banyak merapu. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Chenderoh yang cenderung kepada perkara yang tidak bernas memang tidak betul. Saya berharap itu sahaja, kita tidak payah bincang dengan banyak cuma di dalam akta ibu memang ada istilah yang diterima. Sekarang Kementerian Sumber Manusia hendak tukar penakrifan mengenai gaji. Saya berharap ini dapat dikaji semula.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ini sebenarnya Yang Berhormat, saya tidak nampak Yang Berhormat menyentuh apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Teluk Intan tadi, secara terperinci, Yang Berhormat. Ini adalah perbahasan dalam peringkat Jawatankuasa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya ada lagi....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ini teguran sahaja, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Selepas ini saya ada banyak lagi.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia banyak makan ikan kerapu. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukuplah. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Pengerusi, tadi Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan telah menyatakan ini adalah satu pindaan yang baik iaitu kalau diberi peluang kepada lebih ramai lagi pekerja-pekerja untuk membuat tuntutan kepada Mahkamah Buruh. Jadi, perbezaan antara kerajaan dengan Ahli Yang Berhormat Teluk Intan adalah kerajaan hendak memberi peluang yang seluas-luasnya untuk sebanyak mungkin pekerja membuat tuntutan kepada Mahkamah Buruh tetapi Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan dia hendak menyempitkan peluang itu. Itu sahaja bezanya. Bermakna kita lebih pro pekerja daripada Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan.

Seksyen 69B(2) diperkenalkan untuk mengehadkan maksud “gaji” bagi tujuan menentukan kategori-kategori pekerja bukan manual yang bergaji di antara RM1,500

hingga RM5,000 yang boleh membuat tuntutan di Mahkamah Buruh dengan mengeluarkan elemen commission, subsistence allowance dan overtime payment daripada maksud "gaji" bagi golongan pekerja-pekerja ini, ianya dapat menambah bilangan pekerja di dalam kategori ini yang dapat menikmati perlindungan melalui Mahkamah Buruh. Lebih lagilah bisnes untuk lawyer-lawyer ini, okay! Sekiranya "gaji" di bawah seksyen ini diberi maksud yang sama seperti definisi "gaji" di bawah seksyen 2 akta itu, maka kategori pekerja-pekerja yang boleh menikmati kemudahan di Mahkamah Buruh akan terhad.

Di bawah seksyen 2 maksud "gaji" adalah termasuk elemen commission, subsistence allowance dan overtime payment. Pada masa sekarang juga bagi menentukan pekerja-pekerja bergaji RM1,500 ke bawah yang dilindungi di bawah skop liputan Akta Kerja 1955, ketiga-tiga elemen di atas adalah juga terkeluar daripada definisi "gaji". Oleh sebab itu, demi kepentingan rakyat (pekerja) saya cadang supaya cadangan itu ditolak.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang dicadangkan tadi di dalam kertas pemberitahu pindaan hendaklah disetujui.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

#### Fasal 30 –

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, inilah masalah yang kita hadapi sekarang. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa dengan definisi yang baru ini kita boleh merangkumi lebih ramai penuntut-penuntut di dalam Mahkamah Buruh tetapi Tuan Pengerusi, saya hendak mengetahui mengapa kita adakan sekatkan kepada RM5,000 sahaja, bukan lebih misalnya, RM7,000 ataupun RM8,000, mengapa kita pilih angka RM5,000. Saya mengalu-alukan kerana kita boleh mendengar kes-kes daripada pekerja-pekerja yang gajinya lebih tinggi daripada RM1,500. Itu memang satu perkara yang baik tetapi memandangkan kenyataan tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan dia hendak memasukkan lebih ramai, kalaulah itu maksudnya mengapa kita tidak adakan penakrifan yang lama. Mengapa kita mesti adakan definisi yang baru, baru boleh kita memasukkan penuntut-penuntut yang lebih ramai.

Maksud saya di sini, Tuan Pengerusi ialah mengapa kita sekatkan kepada ceilingnya RM5,000, bukan lebih daripada RM5,000. Mungkin Mahkamah Buruh tidak sempat, tidak mempunyai kemampuan untuk mendengar kes yang lebih ramai lagi. Mungkin itulah yang dimaksudkan.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Pengerusi, RM5,000 bagi pekerja, jarang kita ada pekerja yang gaji RM5,000. Gaji yang lebih daripada RM5,000 biasanya masuk dalam kategori pengurusan (management) dan ke atas. Mereka mempunyai contract of service dan sebagainya. Mereka boleh ambil tindakan menerusi Civil Court, mereka berkeupayaan dan berkemampuan dan sebagainya.

Fasal 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 31 - [Cadangan pindaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Teluk Irtan]

3.32 ptg.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengemukakan seksyen 70(b) iaitu dibatalkan satu cadangan yang baru yang dikemukakan oleh kementerian. Asas saya adalah bahawa yang sedia ada yang menggunakan perkataan adalah "shall on the request of the complainant" yang sedia ada dan yang dikatakan yang baru iaitu "may on the request of the complainant and subject to any conditions as he may deem fit to impose".

Tuan Pengerusi, saya ingin beritahu bahawa cadangan yang baru itu tidak memberi satu mandatory, memaksa Director General, dengan izin, membuat sesuatu,

yang sedia ada dalam undang-undang. Tetapi yang dicadangkan adalah bermula dengan perkataan "may", iaitu "kalau beliau beringin boleh sedemikian" dan juga memberi satu kuasa yang luas kepada Director General untuk menetapkan apa syarat-syarat yang tertentu. Jadi, ini memberi kuasa yang pada pandangan saya adalah terlampau kepada Director General, memandangkan perkara yang sedia ada adalah cukup. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu (Pindaan) sekarang ini terbuka untuk dibahas. Kepong.

**3.34 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, saya sokong rakan saya dari Teluk Intan kerana pada prinsipnya walaupun pihak Director General memang kita beri kuasa yang tetap dan kita takut kuasanya ini boleh digunakan dengan sewenangnyawenangnyanya. Sebab itulah pindaan dicadangkan supaya perkataan di dalam barisan yang ketiga terakhir itu kita batalkan. Setakat "shall on the request of complainant" dengan menggantikan Akta Ibu seksyen 70(b) bagi pihak kami memang memberi kuasa yang terlalu besar kepada Director General. Sebab itulah saya sokong pindaan ini.

**Tuan Pengerusi:** Kota Melaka.

**3.35 ptg.**

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Tuan Pengerusi, saya juga sama-sama ingin turut menyokong pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Teluk Intan. Saya rasa daripada syarat-syarat yang boleh dikenakan oleh pihak Ketua Pengarah, nampaknya tidak semestinya memihak kepada sipengadu. Di sini bolehkah saya dapat satu maklum balas dari pihak kementerian, kerana kalau ada setengah-setengah kes di mana ia memihak kepada sipengadu. Tetapi selepas itu, sipengadu ingin mendapat pembelaan yang seterusnya, ini tidak dapat diperolehi. Saya rasa itu adalah satu perkara penting, sungguhpun perkara yang pendek tetapi satu perkara yang penting. Sebagai contohnya, kes-kes di mana kalau ia dirujuk kepada satu mahkamah yang lebih tinggi, pihak kementerian tidak memberikan sebarang bantuan dari segi guaman untuk membela pekerja-pekerja selepas mereka mendapat satu keputusan yang memihak kepada mereka. Bolehkah perkara ini dibetulkan supaya mereka boleh mendapat pembelaan sepanjang masa, bukan hanya setakat Labour Court di sini sahaja.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Pengerusi, sebagaimana kita semua ketahui kerajaan mewujudkan Jabatan Buruh dan berbagai-bagai undang-undang semata-mata untuk memberi perlindungan kepada rakyat kita sebagai buruh. Tetapi dalam kita membela nasib buruh ini, kita juga harus mengimbangkan kepentingan majikan juga supaya kita adil kepada semua pihak, kerana kita perlu a healthy climate untuk memaju dalam bidang ekonomi dan sebagainya. Dalam mentadbirkan akta ini pihak Kementerian Sumber Manusia telah mendapati adakalanya orang-orang yang buat tuntutan telah pun abuse haknya, iaitu dengan meminta Ketua Pengarah Buruh untuk saman siapa sahaja yang dia suka untuk melepaskan geram dan sebagainya. Kadang-kadang kita dapati kita membuang masa dengan menyaman orang-orang yang tidak kena mengena dengan kes itu, membuang masa, melepas geram dan sebagainya.

Maka itulah sebabnya pindaan ini memberi kuasa kepada ketua pengarah untuk guna descretionnya sama ada perlu atau tidak seseorang individu itu boleh disaman. Ini adalah untuk mengelak daripada kita menyaman orang-orang yang tidak kena mengena dengan kes tersebut ataupun membawa kesulitan kepada orang-orang

yang berkaitan. Maka itulah sebabnya kita telah pinda perkara ini dan memberi kuasa discretion kepada Ketua Pengarah.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang dicadangkan di dalam Kertas Pemberitahu (Pindaan) hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 31** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 32 dan 33** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 34** – [Cadangan Pindaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan]

3.39 ptg.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, kita telah dengar di Dewan yang mulia ini mengenai rayuan yang dibuat dari Mahkamah Buruh ke Mahkamah Tinggi. Akan tetapi saya ingin menambah satu seksyen, iaitu seksyen 77(1) selepas perkataan “may appeal to the High Court” dengan berikut yang berbunyi, dengan izin, Tuan Pengerusi,

*“Any appeal to the High Court shall proceed only with the special leave from the High Court notwithstanding any provision of the law which provide otherwise. The special leave shall not be granted unless in the opinion of the High Court it involves serious point of law whereby the paramount consideration shall be the welfare of the employee. The said application has to be made within 30 days of the order of the Director General.”*

Tuan Pengerusi, undang-undang yang sedia ada adalah seperti yang terkandung di seksyen 77 di mana bila seseorang selepas kes itu telah didengar di Mahkamah Buruh ingin merayu kepada Mahkamah Tinggi, mereka boleh merayu dari segi undang-undang yang sedia ada. Satu daripadanya adalah seperti yang terkandung di Court of Judicature Act, seksyen 28, civil appeal from the Subordinate Court. Izinkan saya baca.

*“Subject to any other return law no appeal shall lie to the High Court from the decision of the Subordinate Court in any civil cause of matter whether amount in dispute or the value of the subject matter is RM10,000 or less, except on a question of law.”*

Tuan Pengerusi, kerap kali di mana kes-kes dari Mahkamah Buruh dirayu, saya telah mendapat aduan bahawa di kebanyakan kes rayuan dibuat adalah majikan di mana mereka ingin, dengan izin, ada mengatakan dan menggunakan “To teach the employee a lesson” supaya mereka dapat rayu ke Mahkamah Tinggi ingin menanggung the ‘fruit’ of litigation, the ‘fruit’ of success kepada pekerja-pekerja. Bukan sahaja ia mengambil masa, tetapi bila kes-kes ini diputuskan di Mahkamah Tinggi, masanya terlampau lama dan tidak membawa satu beneficial interest kepada pekerja-pekerja.

Undang-undang yang sedia ada, Tuan Pengerusi, walaupun membolehkan sesiapa merayu kepada Mahkamah Tinggi menunjukkan satu sistem yang terlampau fleksibel. Di Mahkamah Tinggi hakim-hakim selalunya menimbang kedua-dua faktor, iaitu faktor majikan dan faktor pekerja dan tidak menimbang satu perkara di mana adakah sesuatu akta seperti yang saya cadangkan, adakah satu keperluan yang lebih munasabah kepada pekerja-pekerja. Undang-undang yang sedia ada nampaknya memberi satu situasi di mana majikan dapat merayu sesuka mereka seperti juga pekerja-pekerja. Akan tetapi kerap kali kita tahu dari Mahkamah Buruh yang menjadi faktor adalah majikan ada kebolehan dari segi wang dan boleh mendapat bantuan peguam, oleh kerana mereka ada wang mereka dapat merayu kepada Mahkamah Tinggi.

Tuan Pengerusi, dalam satu kes di Ipoh telah dirayu di mana termination and lay off benefit adalah RM1.00. Setelah ke Mahkamah Tinggi dan selepas itu telah dirayu ke Mahkamah Rayuan. Sekarang kes ini sedang ada di Mahkamah Rayuan. Jadi, fakta macam ini pekerja tidak faham. Hakim Mahkamah Tinggi berpendapat asalkan ada points of law perkara ini patut dibenarkan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat diingatkan bahawa sebarang kes yang belum diputuskan seboleh-bolehnya cuba elakkan daripada membangkitkan contoh demikian.

**Tuan M. Kulasegaran:** Baiklah, Tuan Pengerusi. Selain dari itu, ada banyak kes juga situasi yang sama di mana majikan merayu oleh kerana mereka ingin merayu semata-mata, bukan atas asas undang-undang yang tertentu atau oleh kerana ada faktor-faktor yang memberi mereka kuasa untuk merayu supaya mendapat satu, dengan izin, justice dalam Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan.

Jadi, untuk mengelak perkara ini terjadi, saya harap rang undang-undang yang saya cadangkan dapat diterima supaya mengelak perkara di mana pihak-pihak yang tertentu yang tidak memberi keutamaan kepada pekerja-pekerja atau hakim-hakim Mahkamah Tinggi yang tidak memberi keutamaan faktor seperti yang saya kata 'serious point of law whereby the paramount consideration shall be the welfare of the employee'. Bila 'welfare of the employee', saya cadangkan ini adakah kerana hakim dapat mengetahui bahawa bila ada satu rayuan, lebih mustahak adalah pekerja daripada majikan, memandangkan wang yang diperlukan oleh pekerja adalah lebih serius pada satu-satu masa, lebih-lebih lagi dari kes-kes retrenchment and termination benefit di mana hingga RM1, RM10, RM100 pun mereka merayu oleh kerana mereka ada hak untuk merayu, mereka semata-mata merayu. Oleh yang demikian, saya mohon agar ianya dapat ditimbang di Majlis ini dan diterima. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu (Pindaan) terbuka untuk dibahas sekarang.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ya Kepong tunjuk minat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, pendek sahajalah. Walaupun setakat ini pada masa ini Yang Berhormat tidak dapat memasukkan pindaan ini di dalam rang undang-undang ini, saya berpendapat bahawa pindaan yang dibuat oleh Yang Berhormat mengenai subseksyen 7(1) ini tidak memandangkan masalah-masalah yang ditimbulkan oleh Teluk Intan tadi dengan sedalam-dalamnya. Mungkin pada masa akan datang kita akan meneliti dan menelaah semua ini, kemudian kita buat satu pindaan lagi untuk benar-benar membela nasib pekerja-pekerja. Kerana kalau kita lihat di sini pindaan yang menggantikan seksyen 73 ini dengan perkataan "69B, 69C atau 73" boleh ditafsirkan sebagai berat kepada majikan. Sebab itulah saya sokong cadangan Yang Berhormat dari Teluk Intan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Pengerusi, tiada siapa yang suka untuk melanjutkan sesuatu sengketa, hendak merayu dari Mahkamah Buruh ke Mahkamah Tinggi kalau tidak ada sesuatu sebab yang penting sama ada majikan ataupun pekerja. Jadi, kalau ada sebab yang penting maka sudah tentulah mereka akan merayu. Orang yang hendak merayu, hendak bayar wang peguam, membuang masa begitu-begini hanya untuk melepaskan geram ini sedikit sangat, terlalu sedikit. Dia hendak melanjutkan sesuatu sengketa hanya oleh sebab hendak melepas geram. Sedangkan dia kena belanja wang, 'time'nya dan sebagainya sedikit sangat. Kalau kita terima pula pindaan yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat sekarang ini, maka

kita akan kenakan satu lagi peringkat karenah birokrasi dan ini akan melambatkan usaha pengadilan dan membuang masa dan menghabiskan wang ringgit dan sebagainya. Itulah sebabnya kerajaan rasa bahawa kita harus kekalkan peraturan-peraturan yang sedia ada. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [ Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan sebagaimana yang dicadangkan di dalam Kertas Pemberitahu (Pindaan) hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 34** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 35 hingga 47** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN (PINDAAN) 1998**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**3.51 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan hasrat kerajaan untuk memberikan satu sistem pentadbiran keadilan yang cekap kepada orang ramai, maka beberapa tatacara tertentu di bawah Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang telah dikenal pasti sebagai antara faktor yang menyumbang kepada kelewatan proses pentadbiran keadilan di mahkamah adalah dicadangkan supaya dipinda. Pindaan adalah dicadangkan untuk dibuat kepada seksyen-seksyen 3, 10, 42, 44, 78, 80, 96 dan 97 Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Ia adalah dibuat dengan tujuan untuk mempercepatkan proses pendengaran kes-kes di mahkamah-mahkamah atasan khususnya Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan. Alasan-alasan pindaan secara terperinci adalah seperti berikut:

- (i) pindaan kepada seksyen 3 adalah melibatkan penggantian, takrif "decision", dengan izin, supaya ia tidak meliputi keputusan yang tidak membuat penentuan muktamad tentang hak pihak dalam sesuatu perbicaraan.
- (ii) seksyen 42 dan 78 adalah dipinda untuk membolehkan perbicaraan di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan diselesaikan oleh hakim yang tinggal, asalkan tidak kurang dari dua orang sekiranya mana-mana hakim yang pada awalnya menganggotai panel hakim mahkamah itu tidak dapat meneruskan kes itu kerana sakit ataupun apa-apa sebab lain walaupun tanpa persetujuan pihak-pihak dalam kes itu. Pindaan ini akan mengelakkan pembaziran masa mahkamah serta memendekkan masa rayuan di Mahkamah-mahkamah Rayuan dan Persekutuan.
- (iii) Pindaan kepada seksyen 44 dan 80 adalah untuk menetapkan had tempoh masa yang tertentu 10 hari untuk mana-mana pihak yang terkilang memfailkan permohonan untuk kajian semula perintah yang

dibuat oleh seseorang hakim kepada satu panel tiga orang hakim di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Pada masa ini ketiadaan had masa sedemikian seringkali menimbulkan kelewatan dalam pemberesen kes.

- (iv) Seksyen 96 dipinda untuk memasukkan prinsip faedah awam dalam menentukan sama ada kebenaran untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan boleh diberikan. Prinsip ini diamalkan di mahkamah-mahkamah di Britain dan ia telah dapat mengehendkan hujah dalam permohonan bagi kebenaran demikian dan menyejgerakan pemberesan permohonan itu.
- (v) Pindaan kepada seksyen 97 adalah bertujuan untuk membolehkan permohonan bagi kebenaran untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan dibuat kepada seorang hakim sahaja. Buat masa ini permohonan perlu didengar oleh panel tiga orang hakim Mahkamah Persekutuan. Bagaimanapun pihak yang tidak puas hati dengan keputusan seorang hakim itu boleh memohon untuk ke panel penuh tiga orang hakim.

Selain itu, pindaan kepada seksyen 10 adalah untuk membuat penyelarasan mengenai amalan perlantikan pegawai-pegawai kehakiman. Pada masa sekarang walaupun perlantikan dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong tetapi perlantikan ini adalah dibuat atas syor Ketua Hakim Negara. Oleh itu, pindaan ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa ada peruntukan nyata dalam undang-undang bagi amalan tersebut. Pihak Jabatan Peguam Negara telah pun menyemak draf rang undang-undang ini dan berpendapat bahawa rang undang-undang ini adalah tidak begitu bercanggah dengan Perlembagaan dan teratur dari segi gubalan. Pindaan ini juga tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan kepada kerajaan. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Siapa menyokong?

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tanjong.

**3.55 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Yang di-Pertua, tahun ini ialah ulang tahun ke-10 krisis kehakiman yang teruk sekali dalam sejarah Malaysia, iaitu tahun 1988. Dalam 10 tahun ini keyakinan orang ramai terhadap sistem kehakiman belum pernah dipulihkan. Tetapi malangnya peristiwa-peristiwa yang menyebabkan keyakinan terhadap kehakiman lebih dalam dan lebih pahit. Apabila kita bincang rang undang-undang ini saya rasa sangat tepat kita mula dengan satu rujukan kepada satu buku yang ditulis oleh seorang pemimpin bukan dalam pembangkang, tetapi dalam pihak pemerintahan sekarang, sungguhpun satu masa beliau di luar kem pemerintahan, iaitu Dr. Rais Yatim, bukunya *Freedom Under Executive Power in Malaysia*. Dalam chapter 7 beliau kata mengenai judiciary, judicial power di negara kita, dengan izin:

*“The independence of judiciary’ is a limited and fragile concept in a system where executive power permeates and controls all branches of government. It has been said that without independent of the judiciary there can be no judicial power in the real sense of the word; the strength and respect of Constitution is heavily dependence on the concomitant strength and independence of the judiciary. However, where public opinion is stifled through the power of government, the doctrine of separation of powers become perfunctory and judicial independent is reduced to being a mere*

*namesake, especially when the will and power to amend the law relating to judicial power is at the instance of the executive”.*

Beliau ada huraikan contoh-contoh yang banyak untuk kita utarakan khasnya mengenai pemecatan Lord President masa itu, Tun Salleh Abas dan dua hakim Supreme Court. Tetapi apa yang mustahak kita perlu menumpukan perhatian ialah kita perlu ambil tindakan supaya memulihkan keyakinan baik rakyat atau dunia khasnya kita mahu menjadi satu global player dalam arena antarabangsa terhadap sistem kehakiman negara kita. Oleh kerana sistem kehakiman sama ada mengenai kebebasan, integrity, impartiality, sistem kehakiman adalah satu pillar yang sangat mustahak untuk menentukan keyakinan pelabur-pelabur terhadap Malaysia.

Tidak boleh dinafikan bahawa kita perlu mengakui satu sebab kenapa sampai sekarang kita tidak boleh kata kita berjaya untuk kembalikan keyakinan sungguhpun kita masuk bulan ke 11 dalam krisis ekonomi yang terburuk sekali dalam sejarah Malaysia. Antara lain ialah kita tidak boleh menempatkan segala institusi kepada satu tahap yang sewajarnya termasuk sistem kehakiman. Oleh kerana sudah menjadi satu pengetahuan umum bahawa dalam kontrak-kontrak yang ada melibatkan satu pihak orang luar, mereka sekarang lebih berminat mengadakan arbitration clause oleh kerana tidak begitu yakin dan percaya mengenai sistem kehakiman Malaysia. Mereka lebih berminat dan bersetuju mengadakan arbitration clause di mana tidak begitu tertakluk kepada undang-undang dan sistem-sistem tempatan.

Saya rasa inilah kita perlu ambil perhatian yang berat, oleh kerana kalau kita mahu memulihkan dan kembalikan keyakinan pada saat ini, segala aspek kelemahan sistem kita termasuk dalam sistem keyakinan terhadap kehakiman perlu di'address' oleh pihak yang berkenaan. Kalau tidak, sungguhpun kita mahu kata, dengan izin, the worst is over. Tiga minggu dahulu Timbalan Perdana Menteri berkata di New York, memberi jaminan kepada banker-banker, kepada fund manager-fund manager, kepada insurans-insurans bahawa the worst is over dan dua minggu kemudian di Geneva, Timbalan Menteri Kewangan yang menghadiri Mesyuarat Tahunan Asian Development Bank pun ada mengulangi bahawa untuk Malaysia the worst is over. Tetapi sebenarnya ini tidak benar, sehingga satu-dua hari lalu Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri ada kata tidak boleh jamin bahawa revenue kerajaan akan dapat surplus, akan ada defisit dan tidak tahu betapa rumit masalah ini yang menunjukkan bahawa bukan sahaja the worst is not over, tetapi dengan izin, the worst is to come. Kedudukan ekonomi akan menjadi lebih teruk sebelum ada apa-apa pemulihan boleh berlaku.

Dalam keadaan ini, segala aspek, segala kelemahan institusi-institusi kita termasuk mengenai keyakinan terhadap kehakiman perlulah ditangani dan ini mustahak. Saya tidak mahu mengaitkan dengan apa-apa peristiwa, tetapi ini satu fakta. Pada 1 April 1998 Indeks Komposit KLSE 700 mata. Tetapi hari ini 570, jatuh 130 mata, kenapa. Ada pelbagai unsur. Dalam bulan Februari ada bounce back selepas Kongsi Raya holidays, satu hari 100 mata jump back. Sungguhpun sehingga 27 Februari naik sedikit, selepas itu downward trend. Tetapi downward trend untuk bulan Mac 30-40 mata. Tetapi bulan 1 April sampai sekarang 130 mata. Kita perlu kaji, tentulah ada faktor-faktor termasuk keyakinan terhadap kehakiman, itulah sangat mustahak.

Di sini kalau kita mahu rakyat, orang ramai menambahkan keyakinan mereka terhadap sistem kehakiman, kita perlu satu sistem yang lebih transparent, ketelusan, accountable bukan sahaja di bidang-bidang lain, termasuk juga kehakiman. Dalam satu sistem yang lebih accountable dan transparent mengenai kehakiman ialah di mana keputusan-keputusan yang dibuat oleh mahkamah-mahkamah kita patut mengadakan satu budaya di mana teguran, kritikan yang sihat, bukan dengan malice, bukan dengan bias, tetapi yang sihat sama ada adil atau tidak adil, betul atau tidak betul, sama ada selaras dengan tujuan negara kita mahu memupuk, membina satu masyarakat madani, a vibrant civil society. Kalau tidak, apa-apa hukuman atau judgement ditempatkan di satu tahap tidak boleh dikritikkan, tidak boleh ditegurkan, saya rasa ini tidak akan

mbolehkan satu sistem mendapat keyakinan orang ramai. Sama ada patut rakyat digalak bukan sahaja untuk bincang, untuk bahas hukuman-hukuman tetapi juga untuk menolakan budibicara orang-orang yang ada kuasa budibicara, seperti Peguam Negara.

Saya ingat lagi dalam bulan Disember tahun 1989 masa itu mungkin tidak silap saya 6 Disember dalam Dewan yang mulia ini, iaitu sembilan tahun dahulu, Yang Berhormat dari Jelutong berdiri dan kali yang pertama bangkit hal skandal video lucu mensabitkan masa itu Timbalan Yang di-Pertua, bukan Timbalan Yang di-Pertua sekarang, tetapi masa itu Timbalan Yang di-Pertua, D.P. Vijandran dan menyebabkan beberapa peristiwa di mana Yang Berhormat dari Jelutong Yang Berhormat dari Menglembu semasa itu Tuan P. Patto dan lain-lain dihalau daripada Dewan ini. Tetapi akhirnya menunjukkan bahawa kita di pihak ini mahu bangkit ialah kebenaran bagi kepentingan negara dan orang ramai supaya kita ada satu sistem politik yang bersih, yang bertanggungjawab dan yang berakhlak.

Semasa itu keputusan Peguam Negara, bukan Peguam Negara sekarang, Peguam Negara semasa itu ialah Tan Sri Abu Talib Othman supaya 11 video tape dan 4 envelope yang mengandungi 2,000 photograph negatif gambar lucu yang melibatkan D.P. Vijandran semasa itu dimusnahkan, bahawa tidak ada apa-apa tindakan diambil terhadap empat orang yang ditangkap atas alasan bahawa mereka ada mencuri, merompak satu 'safe' di rumah D.P. Vijandran dan dalam 'safe' itu ada video lucu, ada 2,000 gambar-gambar lucu tetapi tidak ada apa tindakan diambil sungguhpun mereka boleh didakwa mengenai kesalahan memiliki benda yang dicuri (stolen property), dan D.P. Vijandran boleh didakwa di bawah Film Act oleh kerana ada video-video dan gambar-gambar lucu. Perkara ini menjadi satu kontroversi publik di mana orang ramai, di mana peguam-peguam, NGO-NGO membidas Peguam Negara oleh kerana menyalahgunakan kuasanya dalam keputusan di bawah Perkara 145 Perlembagaan di mana beliau ada budibicara (discretion) untuk memula to initiate, terminate, discontinue and terminate proceeding yang menjadi satu kontroversi besar pada masa itu. Masa itu apa Peguam Negara kata. Adakah dia kata bahawa kuasanya tidak boleh disoalkan, tidak boleh dikritikkan. Kalau disoalkan, dikritikkan, itulah satu kesalahan hasutan atau contempt of court.

Di sini saya ada satu kenyataan yang dibuat oleh Tan Sri Abu Talib semasa itu. Apa beliau kata mengenai teguran-teguran, kritikan-kritikan terhadap beliau - soalan dari pemberita akhbar, dengan izin:

"Early today we receive many calls from the public criticizing your decision in closing the case and destroying the tapes. What is your reaction?" Abu Talib semasa itu sebagai Peguam Negara berkata: "They can criticise me, this is a free country, they can criticise me. I have given my direction in accordance with the evidence", dan terima. Tetapi nampaknya sekarang dalam satu iklim yang lebih repressive di mana nampaknya ada mereka yang fikir bahawa keputusan Peguam Negara melaksanakan dan menjalankan kuasanya di bawah Perkara 145 untuk mula, untuk berhenti, untuk menamatkan apa-apa perbicaraan tidak boleh disoalkan. Kalau disoalkan, itulah hasutan.

Saya rasa ini sangat berbahaya oleh kerana ini bukan memupuk satu contribution terhadap satu sistem yang lebih telus. Di sini, inilah satu keputusan, satu court judgement yang dibuat sungguhpun sebenarnya perkara ini bukan satu isu dalam kes Tuan Lim Guan Eng, Court of Appeal. Ini bukan satu isu oleh kerana tidak menjadi satu benda dirayukan sama ada pihak pendakwa raya atau pihak defence, dan ini ada diakui. Apa yang mustahak ialah dari segi public policy interest, dengan izin, katanya: "Thus although this is appeal the public pillaring of Attorney-General for exercising any of his powers under Article 145(1) of the Federal Constitution in one way rather than another would falls squarely within the purview of section 3(i) of the Sedition Act 1948 to allege double standard against the Public Prosecutor in deciding which cases ought to be brought before the court which is the trust of devote in the first paragraph of the second charge amounts to denigrating and undermining the

administration of criminal justice.” Inilah judgement Court of Appeal, Justice Gopal Sri Ram mengenai kes Lim Guan Eng. Saya kata ini bukan subjudice oleh kerana ini bukanlah subject of appeal, itu obiter. Sungguhpun obiter ini oleh kerana kedua-dua pihak tidak canvass isu ini, tetapi saya rasa kalau inilah kecenderungan (trend) yang kita ada mengenai sama ada judgement boleh dikritik, keputusan boleh dikritik di sini, saya rasa kita akan lebih close society. Kalau begitu, dalam tahun 1990 apabila saya, Yang Berhormat dari Jelutong, apabila ramai ahli Parlimen, apabila peguam-peguam Bar Council dan NGO-NGO mengkritikkan Tan Sri Abu Talib Othman bahawa dia sudah menyalahgunakan kuasa beliau, menyalahkan budibicara beliau, apabila beliau memerintahkan semua video dan gambar lucah dimusnahkan dan tidak ambil tindakan terhadap empat orang pemuda yang ditangkap oleh kerana memiliki stolen property atau tidak ambil tindakan terhadap D.P. Vijandran oleh kerana memiliki benda-benda yang lucah, kita semua sudah melakukan kesalahan sedition untuk mempertahankan maruah negara kita, untuk mempertahankan maruah Dewan yang mulia ini.

Sebab itu kalau kita ada hukuman-hukuman yang menunjukkan lebih intolerant mengenai accountability, transparency dalam sistem kehakiman kita, tentulah kita akan berjaya untuk kembalikan keyakinan terhadap sistem kehakiman. Di sini saya harap sudah sampai masanya di mana kita perlu mengadakan ikhtiar yang istimewa untuk kembalikan keyakinan orang ramai terhadap administration of justice, termasuk menentukan, memastikan bahawa Peguam Negara tidak dibenarkan untuk menyalahgunakan kuasa beliau mengenai selective prosecution. Bagaimana kita boleh kata bahawa kita ada selective prosecution apabila ada banyak kes yang boleh diutarakan sama ada mengenai false news di mana Yang Berhormat dari Kota Melaka disabit kesalahan dan rayuan, tetapi kenapa false news terhadap Perdana Menteri dalam kempen pilihan raya besar tahun 1995 di mana beliau mendakwa saya ada cabar pihak polis, mahu tangkap saya, provoke polis, mahu provoke insiden dalam kempen pilihan raya, dan ada diberi ruang yang besar sama ada surat khabar, radio, televisyen beberapa hari. Tetapi sebenarnya ini palsu, tidak benar, saya tidak pernah buat begitu. Itulah satu false news, publish maliciously oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Laporan polis, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada buat false news terhadap saya. Kenapa beliau tidak ditangkap dan dibawa ke mahkamah? Adakah false news Printing Press and Publication Act. Kesalahan false news ialah digunakan terhadap pembangkang dan terhadap NGO sahaja. Tetapi pihak kerajaan boleh buat apa-apa false news tanpa apa-apa risiko untuk di bawah ke mahkamah. Adakah ini kita boleh dapat dunia atau negara lain yakin terhadap sistem administration of justice di mana sangat ternyata ada bias, ada selective prosecution dalam tangan Peguam Negara.

Kita pun tahu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini selepas keputusan dibuat oleh Mahkamah Rayuan mengenai Yang Berhormat dari Kota Melaka di mana kedua-dua kesalahan, pendakwaan pertama mengenai hasutan dan kedua mengenai false news di bawah Printing Press and Publication Act rayuannya ditolak dan sentence RM15,000 diketepikan dan digantikan dengan penjara 36 bulan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat komen bahawa inilah keputusan yang bijaksana, endorse, menyokong dan bukan sahaja beliau kata dalam masa yang lampau ada mahkamah-mahkamah memberi keputusan dan hukuman yang sangat ringan apabila bersabit dengan pihak pembangkang, tetapi apa yang bersabit dengan pegawai kerajaan atau orang kerajaan bahawa sangat berat hukuman dijatuhkan. Yang pertama, bukankah ini satu campur tangan dengan keadilan, impartiality, kebebasan, oleh kerana sungguhpun kita perlu adakan ruang untuk semua untuk memberi pandangan mereka kalau tidak malicious, kalau tidak malice. Tetapi untuk beberapa kategori oleh kerana kedudukan khas mereka, mereka tidak boleh memberi pandangan oleh kerana boleh mempengaruhi proses rayuan.

Kita semua tahu bahawa Perdana Menteri adalah jawatan yang khas. Oleh kerana semua keputusan mengenai perlington, mengenai naik pangkat hakim-hakim sama ada hakim di peringkat Mahkamah Tinggi atau hakim-hakim di peringkat Mahkamah Rayuan atau hakim-hakim peringkat Mahkamah Persekutuan dalam tangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Beliau de facto orang yang buat keputusan

siapa judicial appointment dan judicial promotion. Kalau begitu, apakah pandangan beliau yang boleh mempengaruhi perbicaraan apa-apa peringkat ialah satu penyalahgunaan kuasa, satu interference bukan sahaja dari segi contempt of court, tetapi juga boleh disifatkan sebagai sedition, hasutan oleh kerana menyalahi dan use up kuasa-kuasa mahkamah untuk membuat keputusan satu kes rayuan.

Di sini, inilah satu judgement yang ada digunakan dalam judgement Court of Appeal, Justice Sri Ram mengenai apa ertinya 'due administration of justice'. Dia ada quote ucapan Lord Diplock Attorney-General and The Time Newspaper Limited 1974, "the due administration of justice requires three factors. Saya mahu menyebut faktor yang ketiga sahaja di sini. "The due administration of justice require first, second and third. Thirdly, that once a dispute has been submitted to a court of law, they should be able to rely upon there being no use a passion by any other person of the function of that court to decide according to law.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

Di sini kes Yang Berhormat dari Kota Melaka ada buat rayuan mengenai keputusan Mahkamah Rayuan kepada Federal Court, menunggu keputusan Federal Court, once a dispute has been submitted to a court of law, the Federal Court, they should be able to rely upon there being no use a passion by any other person of the function of that court to decide according to law. Apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat ialah use a passion of the function of the court of the Federal Court to decide according to law oleh kerana beliau sudah buat kenyataan yang sangat ternyata bahawa Yang Berhormat dari Kota Melaka patutlah dihukum 36 bulan. Kalau hakim-hakim Federal Court tidak bersetuju tentulah mereka dalam satu invidious position yang menunjukkan bahawa tidak bersetuju dengan Perdana Menteri dan Perdana Menteri dalam satu kedudukan untuk menentukan masa depan mereka, judicial appointment. Bukankan ini satu use of passion of the function of the court. Adakah Peguam Negara rela yang pertama untuk membawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke mahkamah oleh kerana contempt of court, dan kedua, adakah Peguam Negara rela untuk bawa Perdana Menteri ke mahkamah oleh kerana hasutan (sedition) bringing the administration of justice to contempt and disrepute.

Oleh kerana use a passion of the power of the Federal Court, ini menunjukkan sebab-sebab kenapa menimbulkan krisis keyakinan terhadap kehakiman berlarutan dan jadi lebih serius, lebih rumit dan dalam satu masa di mana kita mahu memulihkan keyakinan keseluruhannya kepada negara supaya kita tidak tinggal di belakang selepas 11 bulan krisis ekonomi isu-isu semacam ini tentulah tidak akan bantu pemulihan keyakinan kepada negara. Saya harap bahawa dalam proses ini kita rela mengadakan satu pandangan yang lebih luas bagi kepentingan negara, kepentingan rakyat dan bukan kelompok-kelompok sahaja.

Akhirnya apa yang mustahak dalam apa-apa sistem kehakiman ialah supaya boleh menjadi satu beacon of light kepada rakyat bahawa rakyat pada keseluruhannya faham mengenai keadilan ialah sistem itu boleh diterjemahkan dalam institusi kehakiman. Apa yang rakyat faham benar salah, simple thing, dengan izin, right and wrong, just and unjust, patutlah translated dalam sistem kehakiman. Kalau orang ramai sampai kepada satu kesimpulan bahawa apa yang diputuskan dalam institusi-institusi kehakiman sungguhpun mungkin mengikut undang-undang yang khususnya, tetapi ada penyalahgunaan kuasa oleh kerana ada selective prosecution dan berbeza daripada apa orang ramai faham mengenai basic right and wrong, saya rasa sistem kehakiman ini perlulah digubal, kita perlu ada satu new approach mengenai sistem kehakiman, sistem justice, sistem keadilan di negara kita supaya aspirasi rakyat, fahaman rakyat tidak diasingkan daripada satu sistem keadilan, fahaman keadilan yang tidak adil. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:  
Batang Lupar.

**4.26 ptg.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi sebab mengapa akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman ini dibawa ke Dewan yang mulia ini. Saya memang mengalu-alukan dan menyokong pindaan yang telah dibawa oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang tertarik mendengar hujah Yang Berhormat Ketua Pembangkang dan saya juga pernah ditanya dan dipersoalkan semasa berada di luar negara berhubung dengan soalan-soalan kredibiliti ataupun kepercayaan masyarakat kepada institusi perundangan di negara kita ini. Jadi, saya tidak hendak bercakap panjang lebar berhubung perkara ini oleh kerana saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri nanti akan memberi jawapan.

Jadi, apa yang saya hendak bertanya ialah soalan sama ada rakyat Malaysia masih memandangkan tinggi institusi kehakiman di negara ini, saya belum faham macam mana kayu pengukur untuk menentukan, iaitu masyarakat Malaysia tidak lagi menerima ataupun memandang tinggi institusi kehakiman di negara ini. Semasa saya ditanya, saya berhadapan dengan Jawatankuasa Parlimen Canberra berhubung dengan human rights and environment, dan saya juga ditanya oleh peguam-peguam yang mengata mereka champion human rights dan sebagainya dan perkara ini telah dibawa oleh mereka ke hadapan, iaitu pada masa itu atas penamatan perkhidmatan Hakim Besar negara kita ini. Jadi, mereka mengatakan macam mana kredibiliti dan kedudukan kehakiman di negara ini akan terjejas. Saya meminta dari mereka data dan fakta menunjukkan yang orang ramai Malaysia tidak lagi menerima ataupun memandang rendah kehakiman negara ini. Malangnya mereka juga tidak boleh menunjukkan kepada saya, iaitu kepercayaan rakyat Malaysia kepada institusi kehakiman negara ini telah terjejas ataupun telah menurun.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat kalau dapat menunjukkan macam mana kedudukan yang sebenarnya. Kerana kalau dipandang dari segi kenyataan orang masih pergi ke mahkamah untuk mempersoalkan persoalan right and wrong between individu dengan kerajaan ataupun agensi-agensi kerajaan, juga di antara badan dengan individu di negara ini masih datang ke mahkamah untuk dibicarakan. Jadi, kalau dipandang dari segi itu, ternyata sekali iaitu institusi kehakiman di negara ini masih diterima dan di sanjung oleh rakyat di negara ini. Itu yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, apabila pada satu ketika dahulu iaitu tiga, empat tahun yang lepas, bila pelabur-pelabur datang saya membacakan journal dan business legislature di kawasan Asia Tenggara ini berhubung dengan pelaburan di seluruh negara Asia Tenggara termasuk Malaysia, Indonesia, Singapura, Filipina, Cambodia, Vietnam, China dan sebagainya, negara yang telah pernah disebutkan memang tidak termasuk negara Malaysia yang mempunyai sistem kehakiman dan juga infrastruktur undang-undang yang mencukupi untuk pihak pelabur datang ke negara ini untuk melabur.

Mereka memang menyebutkan pada ketika itu, saya berharap, kerana saya pernah menyebutkan di dalam Dewan ini kerana pelabur Malaysia pergi ke Vietnam, Cambodia, China dan sebagainya, protection yang ada pada kita supaya mereka ini tidak terjejas dari segi pelaburan dan sebagainya di negara tersebut. Jadi, biasanya banyak disebutkan oleh pihak Barat dan juga oleh pihak yang berkenaan, soalan infrastruktur undang-undang dan sistem kehakiman di negara tersebut mempersoalkan iaitu sistem kehakiman dan undang-undang mereka tidak mencukupi untuk menjaga business interest pelabur yang datang melabur di negara ini, tetapi sukacita dimaklumkan saya belum dapat surat-surat dan kertas-kertas rangkaian business talk ini, dengan izin, menyebut soalan sistem kehakiman Malaysia dan juga undang-undang Malaysia tidak mencukupi di dalam menguruskan pelaburan mereka ataupun menjaga pelaburan mereka di negara ini.

Jadi, kalau kita pandang dua perkara yang berkenaan iaitu di antara orang Malaysia dengan orang Malaysia sendiri dan di antara orang Malaysia dengan Kerajaan Malaysia, di antara kerajaan orang Malaysia dengan orang asing yang datang ke negara ini jarang pernah sekali dipersoalkan sistem institusi dan undang-undang di negara ini.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, saya secara inpromptu, dengan izin, bercakap di hadapan jawatankuasa di Canberra, oleh kerana tidak diberi notis, persoalan itu saya bangkitkan saya tanya kepada mereka kalau boleh tunjukkan saya mungkin boleh bercakap dengan kerajaan apakah the short-coming Kerajaan Malaysia yang dipersoalkan oleh pihak-pihak yang tertentu yang mempunyai pendapat yang mengatakan sistem perundangan di negara ini ataupun kehakiman di negara ini telah terjejas oleh kerana episod yang berlaku pada pertengahan tahun 80-an dan akhir 80-an.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya berharaplah Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri boleh memberi penjelasan 'yard stick' ataupun garis sukatan untuk mengukur sama ada rakyat Malaysia telah terjejas pandangan mereka kepada institusi ini dan undang-undang dan apakah tindakan kerajaan dan bagaimana pula pandangan pihak-pihak dari luar negara sama ada mereka takut dengan cell kita, takut dengan polis kita, takut dengan hakim kita, takut dengan apa-apa sahaja yang ada dalam negara ini, mungkin yang ada hubungkait dengan undang-undang.

Jadi, bagi diri saya, melihat dari segi rakyat jelata yang tidak menganalisis keputusan yang dibuat selain dari melihat, kadang-kadang ada juga pegawai kerajaan apabila membuat satu-satu tindakan dan juga sepatutnya tindakan ataupun penjelasan yang tertentu disalurkan menerusi menteri ataupun kementerian telah membuat penjelasan mereka sendiri, membuat mereka menjadi satu target kepada media. Jadi, bahkan pihak media telah mengepung mereka macam paparazzi dalam kes Princess Diana juga sebagaimana pihak media berminat kepada ahli-ahli politik, jadi, kadang-kadang perkara ini berlaku, pihak pegawai kerajaan ini telah menjadi maltreat kepada kerajaan dalam satu-satu perkara dan satu-satu isu. Jadi ini telah membawa pegawai kerajaan ini termasuk Attorney-General sendiri menjadi satu isu yang telah dibangkitkan yang attract banyak sangat publisiti daripada keputusan yang sepatutnya tak payahlah digembar-gemburkan di luar sangat, jadi, bagi pihak kerajaan macam polis, kalau daripada pihak AG sampai kepada pihak polis kalau kita hendak katakan selective prosecution memang boleh bila-bila masa kita menegur, bila-bila masa kita menyebut, kalau tidak percaya pergi ke jalan raya misalnya Jalan Tuanku Abdul Rahman atau di mana-mana, simpanlah kereta, kadang-kadang kita nampak seorang yang kena saman oleh polis dan seorang lagi tidak kena saman, jadi, persoalannya kenapa pula berlaku perkara yang demikian kepada pihak yang tertentu, tetapi kalau dipandang dari pihak polis, itu mungkin ada jawapan-jawapan yang munasabah kepada mereka.

Jadi, kadang-kadang juga sebab-sebab yang tertentu tidak semuanya perlu diberi kepada pihak media atau sesiapa pun, jadi, the question of absolute transparency dalam soalan ini adalah tidak wajar oleh kerana soalan investigation oleh polis umpamanya takkan satu persatu kertas-kertas selidikan polis itu mesti ditunjuk kepada akhbar dan ditunjuk kepada TV untuk ditayang kepada orang ramai kerana sebahagian daripada kertas itu mungkin akan menjejaskan penyelidikan ataupun prosecution eventually kepada mahkamah.

Jadi, saya percaya kebijaksanaan Attorney-General itu, saya masih menyokong dan saya melihat masih tidak terjejas dan saya berharap juga pihak Attorney-General apabila menunjukkan muka di TV tak payahlah tunjuk dengan emotional dan sebagainya, be professional about it, tak payah emotional kerana kadang-kadang emotional ini menunjukkan perasaan peribadi kita, bukan dari keputusan dari segi fakta-fakta yang kita buat.

Jadi, kadang-kadang diinterpretasikan body language, facial expression kita itu menjadi satu pendapat peribadi. Jadi, kalau dapat pihak pegawai kerajaan jauhkan

sedikit daripada lens TV itu dan surat khabar, bukanlah kita tidak mahu transparency, biarlah pihak kementerian membuat penjelasan kepada soalan-soalan yang mungkin akan dianggap sebagai penjelasan pendapat peribadi perkara yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya ada satu, dua perkara selain daripada kredibiliti dan standing pada pandangan masyarakat Malaysia kepada judicial system kita, pada masa sekarang saya masih melihat judicial system kita masih diterimapakai dan masih boleh dihormati dan boleh mempunyai kredibiliti tinggi, tetapi ini mungkin terjejas bukan daripada segi apa yang Yang Berhormat sebutkan, tetapi saya pandang terjejasnya kredibiliti kehakiman adalah mungkin disebabkan kelambatan, mungkin oleh kerana ketidakcekapan dalam mengandalkan bukan sahaja dari segi undang-undang, tetapi juga dari segi kemudahan dan support groupnya, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya bercakap dari segi apa yang saya pandang di persekitaran saya sahaja dan bukan bermakna keseluruhan negara. Jadi, walau bagaimanapun, kadang-kadang manusia ini, saya pernah menerima iaitu manusia yang pandai sekali main football bukanlah orang yang sebelas orang dalam padang football itu, yang pandai sekali main football ialah orang yang di terrace yang melihat itu, yang 30,000 penonton yang melihat itu yang pandai sekali, bila salah terajang sepaknya, dia kata, apa tak sepak macam itu, siapa beri dia buat, tak boleh buat satu pun, dia lari setengah padang sejauh 100 kilometer dah 'mampus' dah. Jadi, kadang-kadang mengkritik ini senang, tetapi yang kena kritik itu mempunyai semua fakta yang ada di tangan mereka dan bertindak di dalam perkara itu.

Dalam keadaan yang sedemikian mungkin oleh kerana fakta-fakta, governing factor yang ada kepada dia telah membuat dia bertindak sedemikian, ini saya pernah belajar dahulu dalam universiti, dalam Jurisprudent, saya masih ingat Profesor De Keen punya perkataan mengatakan, "discretion is like a doughnut, you can decide within and not beyond that boundary", jadi, maknanya keputusan dan apa sahaja tindakan kita ialah di dalam itu sahaja, tidak boleh terkeluar daripada itu. Jadi, kemungkinan juga mana-mana keputusan yang dibuat oleh mana-mana pihak itu adalah berlandaskan apa yang Profesor De Keen kata iaitu "you can only decide within and not beyond that boundary".

Tuan Yang di-Pertua, jadi, soalan efisiensi dan sebagainya, saya pernah menyebutkan dan saya sebutkan lagi kalau kita pandang negeri Sarawak umpamanya sebagai negeri yang begitu besar sekali, yang mana perhubungannya masih tidak begitu baik, jalan kita masih ada satu sahaja yang merentasi state berkenaan yang mana satu state itu panjang dari hujung pantai timur sama panjang daripada Singapura ke Perlis, jadi dalam keadaan yang sedemikian manakala infrastruktur itu baik, maknanya keselesaan ataupun orang yang membuat circuit pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat dengan perhubungan ini juga terjejas kedudukan mereka.

Jadi, kita masih mempunyai circuit majistret umpamanya dari Miri pergi ke Bintulu, dari Kuching pergi ke Sri Aman dan sebagainya dan pegawai-pegawai kehakiman ini termasuk hakim-hakim belum lagi kita perbanyakkan mencukupi dan infrastruktur asasnya seperti rumah dan sebagainya, rumah hakim ataupun bangunan mahkamah belum lagi diperbanyakkan dan bangunan mahkamah yang hendak didirikan di Sarawak, umpamanya di Kuching beberapa tahun yang lalu, hampir lima tahun yang lepas diletak batu asasnya sampai sekarang pun belum dibuat. Jadi, satu pertanyaan yang saya hendak sebutkan di sini bilakah mahkamah di Kuching itu hendak dibina dan disiapkan.

Soalan pegawai-pegawai mahkamah ialah oleh kerana saya pernah diberitahu iaitu mahkamah kadang-kadang terpaksa ditangguhkan oleh kerana penterjemah (interpreter) tidak ada dan kadang-kadang satu kes itu dimasukkan ke dalam mahkamah lain oleh kerana majistret itu masih bercuti umpamanya. Jadi, jelasnya, nampak kita tidak mempunyai pegawai-pegawai tertentu yang mencukupi, tidak ada pegawai untuk menjadi pengganti kepada pegawai yang bercuti dan tidak ada juga majistret sebagai pengganti kepada majistret yang masih bercuti, begitu juga hakim tidak ada hakim pengganti untuk hakim yang bercuti dan sebagainya.

Dalam keadaan yang sedemikian, kerajaan melantik Judicial Commissioner dan sebagainya sebagai hakim di Mahkamah-mahkamah Tinggi. Jadi, banyak Judicial Commissioner yang telah dilantik beberapa tahun tetapi kedudukan mereka ke kiri tidak dan ke kanan pun tidak, masih dilantik menjadi Judicial Commissioner. Walaupun dipandang dari segi pengamal-pengamal undang-undang, mereka ini boleh menjalankan pekerjaan yang begitu baik, boleh menjalankan tugas mereka begitu membina sekali bahkan menunjukkan perilaku yang baik.

Jadi, soalnya kenapakah pula mereka yang dilantik sebagai Judicial Commissioner ini dianggap sebagai layak menjadi hakim tetapi tidak diberi pengesahan menjadi hakim dan berterusan menjadi Judicial Commissioner. Salah seorang daripada mereka ini ialah seorang wanita di Miri, kalau tidak salah saya bernama Elizabeth Chapman, saya kenal beliau ini semasa saya mempraktik undang-undang dengan aktif dahulu dan selalu 'appear before her', jadi saya mendapati dan bahkan banyak rakan-rakan mengatakan yang dia adalah hakim yang cekap dan hampir empat tahun sekarang menduduki sebagai Judicial Commissioner, tetapi hingga sekarang kita belum mendengar lagi kenapa beliau tidak disahkan kedudukannya sebagai hakim?

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, apakah kedudukan beliau ini dan sama ada beliau akan dilantik menjadi hakim dan kalau tidak sebagai Judicial Commissioner saya percaya gaji beliau pun tinggi juga.

Jadi, sama ada kelayakan beliau menerima pencen sebagai Judicial Commissioner, kalau tidak disahkan kedudukannya sebagai hakim dan kalau tidak disahkan apakah landasan yang tertentu, kenapa beliau tidak boleh disahkan kedudukannya sebagai hakim.

Jadi, soalan kehakiman ini tadi saya telah sebutkan kalau terjejas pun kedudukan dan kredibiliti institusi kehakiman negara ini ialah oleh kerana pengendalian di mahkamah itu sendiri, bukan dari segi kritikan-kritikan yang tertentu kerana soalan kritikan ini banyak undang-undang yang telah diluluskan, banyak undang-undang ataupun case law yang telah dibuat keputusan di mana apa parameter kritikan kepada keputusan hakim yang boleh dibuat dan sampai ke peringkat manakah yang menjadi satu contempt of court dan yang mana satu tidak menjejaskan kedudukan itu. Kalau kritikan atau keputusan itu adalah keputusan daripada legalistic ataupun keputusan berfakta undang-undangnya kemungkinan ini tidak, tetapi kalau kritikan itu ditujukan terus kepada peribadi hakim tersebut berlandaskan keputusan itu kemungkinan ini juga menjadi contempt of court.

Tetapi soalan yang penting di sini ialah soalan kakitangan. Saya ingin bertanya dengan pihak kementerian sama ada bercadang untuk memberi setiap hakim dan setiap majistret seorang steno untuk mengambil note di dalam mahkamah, oleh kerana kadang-kadang kita terdapat bukan semua orang yang berkelulusan menjadi majistret dan sebagainya ini walaupun lulus undang-undang mempunyai kecepatan mengambil note of proceeding. Jadi, kita bimbang perkara ini bukan sahaja melambatkan kerana sudahlah mendengar kes di mahkamah selepas itu hendak tulis semua note of proceeding lagi dan semua hendak dilulus. Kita hendak percepatkan undang-undang tetapi support group kepada hakim dan majistret ini kita tidak berikan, jadi, ini membebankan hakim-hakim dan majistret-majistret ini pula.

Jadi, pembebanan ini boleh mendatangkan satu masalah pula, daripada kita hendak cepat dari segi undang-undang tetapi kelambatan oleh kerana hakim, jadi siapa yang hendak kita salahkan. Kita tidak boleh hendak menyalahkan hakim ataupun majistret oleh kerana support group yang kita beri ataupun kerajaan sediakan untuk mereka ini tidak mencukupi.

Jadi, saya pernah mencadangkan sekurang-kurangnya majistret ataupun Presiden Session Court sampai ke atas mestilah diberi setiap seorang stenographer yang boleh mengambil note apa sahaja yang berlaku. Jadi, bukanlah saya kata semua perkara ini memang kalau kita pandang saya bukan hendak cerita yang ganjil ataupun

yang bercorak komidi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pandang di negara Amerika, dia ada satu orang yang sentiasa menaip sahaja dengan shorthand, dia taip apa sahaja yang berlaku dia taip, jadi, ada satu gambar wayang yang menunjukkan anjing menyalak pun dia taip juga, bila tanya suruh baca semula, macam mana bunyi, dia kata macam bunyi salak anjing dia sebut. Jadi, kita dengar memang komidi cerita ini, tetapi sebenarnya apa yang berlaku sepatutnya ada bearing dengan kes yang tersebut.

Jadi, saya berharap walaupun dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang, tetapi dari segi mempertahankan kredibiliti dan kedudukan sistem kehakiman dan perundangan di negara kita ini, support facilities kepada pihak hakim dan pegawai-pegawai kanan kehakiman mestilah disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu perkara lagi iaitu soalan bahasa. Pada masa sekarang di seluruh Semenanjung Malaysia ini di Malaya ini menggunakan bahasa Inggeris, selepas itu kita tukar menggunakan bahasa Malaysia tetapi Sarawak dan Sabah diberi kelonggaran daripada menggunakan bahasa Malaysia di mana-mana peringkat perbicaraan. Dan hingga sekarang peguam-peguam di Sarawak, saya mungkin percaya juga di Sabah masih menggunakan bahasa Inggeris di Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi tetapi baru-baru ini peguam-peguam di Sarawak dikehendaki semua proses dan kertas-kertas yang dimasukkan untuk rayuan ke Mahkamah Rayuan hendaklah dalam bahasa Malaysia. Yang dari Semenanjung ini dahulu kita mulakan daripada Mahkamah Majistret bahasa Malaysia, selepas itu Mahkamah Tinggi, selepas itu mahkamah itu menggunakan bahasa Malaysia, dari Sarawak dia macam hujan turun dari atas turun ke bawah.

Jadi, persoalannya bukan orang tak mahu menggunakan bahasa Malaysia, persoalannya apakah rasional di sebalik menggunakan bahasa Malaysia di Court of Appeal tetapi menggunakan bahasa Inggeris di Mahkamah Tinggi dan juga di Mahkamah Rendah di Sarawak perkara yang dibenarkan. Jadi, ini nampak kurang jelas dari segi dasar.

Jadi, dahulu kita katakan mestilah daripada Mahkamah Rendah kita dahulu serapkan bahasa Malaysia, gunakan bahasa Malaysia, suruh peguam-peguamnya yang tahu bahasa Malaysia pergi ke mahkamah, yang tak pandai bahasa Malaysia, yang tidak hendak belajar bahasa Malaysia jangan pergi ke mahkamah, senang sahaja. Tetapi pada masa sekarang oleh kerana peguam ini kadang-kadang dia cerdik juga, dia gunakan oleh kerana keadilan bahasa manapun boleh digunakan, kita kena sediakan penterjemah. Tetapi bila bahasa Malaysia diperlukan semua kertas-kertas untuk rayuan rupanya Mahkamah Rayuan yang didahulukan menggunakan bahasa Malaysia, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah masih menggunakan bahasa Inggeris.

Jadi, saya berharap Yang Berhormat Dato' boleh memberi penjelasan untuk saya dan untuk orang Sarawak, peguam-peguam terutamanya, kenapa dan apakah rasional di sebalik penggunaan bahasa Malaysia yang begitu berlainan sekali daripada penggunaan bahasa Malaysia yang pernah diamalkan di Tanah Melayu ini.

Disebaliknya juga adakah pihak kerajaan, saya ingin bertanya susulan daripada itu, pihak kementerian untuk menguatkuasakan daripada segi undang-undang ataupun cara mana supaya bahasa Malaysia dan semua kertas-kertas untuk dimasukkan ke mahkamah-mahkamah di Sarawak untuk menggunakan bahasa Malaysia di peringkat bawah, Mahkamah Tinggi dan peringkat keseluruhannya dan kalau tidak kenapa tidak, dan kalau ia bila, dan apakah penyelarasan dibuat agar jangan peguam ini sampai ke mahkamah katakan in the name of justice ataupun for the sake of justice tolong pakai bahasa Inggeris. Rayuan begini sudah lama kita dengar dan saya berharap pihak kerajaan bertegas sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, kegawatan ekonomi yang ada sekarang ini telah sedikit sebanyak melihat bertambahnya kes yang pergi ke mahkamah. Jadi, walaupun orang kata pada masa sekarang kita melihat mungkin ada 20% penambahan, kalau tidak pun di sini tetapi di Sarawak kita telah melihat daripada fakta yang benar iaitu penambahan kes-kes yang tertentu. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, maknanya pegawai yang

dahulunya bekerja 80% sekarang ini sudah perlu bekerja 100%, kalau dahulunya kerja 100% sekarang sudah perlu kerja 130% kerana penambahan kes-kes yang ada di mahkamah. Ini termasuk juga pihak hakim, pihak majistret dan sebagainya. Maknanya kegawatan ekonomi memerlukan tindakan khusus supaya kes-kes mahkamah tidak menjadi satu kes backlog lagi walaupun tujuan kerajaan menggubal undang-undang ini tadi ialah untuk mempercepatkan pendengaran kes dan penyelesaian kes di mahkamah, tetapi kalau pegawai di Jabatan Kehakiman itu sendiri tidak mencukupi, tempat-tempat tidak mencukupi namun hasrat kerajaan untuk menggunakan dari segi undang-undang sahaja mempercepatkan pengendalian kes di mahkamah-mahkamah ini, kerana kes ini telah bertambah mungkin kurang mendapat kesan yang diharapkan.

Jadi, dengan keadaan yang sedemikian pihak kementerian perlulah melihat secara dekat lagi kesan yang akan dihadapi oleh pihak mahkamah ataupun sistem kehakiman oleh kerana banyak kes yang mungkin datang ke mahkamah dibawa oleh pihak-pihak yang tertentu. Walaupun kita tahu dan diberitahu iaitu pihak-pihak kreditor sekarang tidaklah begitu ghairah sangat membawa kes-kes pergi ke mahkamah, banyak pihak bank dan institusi kewangan rela berunding ataupun berbincang, restructuring dan sebagainya kepada pihak-pihak yang berhutang daripada membawa kes-kes ini ke mahkamah. Tetapi dalam keadaan yang sedemikian pun masih banyak lagi kes yang mungkin tidak dapat diselesaikan oleh kerana sebab-sebab yang tertentu, umpamanya oleh kerana undang-undang had jangka masa dan sebagainya yang kes ini tidak boleh dibawa ke mahkamah kalau dilambatkan sangat dan banyak lagi perkara-perkara lain yang menyebabkan ataupun auditing system dan sebagainya berkehendakkan perkara itu hendak diselesaikan dengan seberapa cepat yang boleh ataupun sekurang-kurangnya ke peringkat mahkamah.

Jadi, dengan keadaan yang sedemikian banyakkah kes ini sampai ke mahkamah. Jadi, pada masa sekarang kalau kita lihat lagi sebagai sumber apa yang saya gunakan iaitu kalau kita lihat di Kuching, kita ada mempunyai dua Mahkamah Tinggi, tetapi hakim ini juga perlu bercuti dan sebagainya dan di samping kita memperkukuhkan ataupun memperkemaskinikan undang-undang kita, kalau pihak hakim ini belum ditambahkan ada kemungkinan kita tidak mencapai matlamat yang kita hendak capaikan.

Jadi, walaupun kita lihat kalau macam di England umpamanya berlaku sistem-sistem yang mana peguam yang kanan yang mempraktikkan undang-undang di luar boleh duduk sebagai hakim, boleh duduk sebagai majistret, bahkan di England ada sistem 'lay magistrate', mungkin di sini tidak ada lagi, ini pun patut dipertimbangkan jikalau tidak ada orang yang layak ataupun tidak ada vacancy ataupun JPA belum memberi kelulusan untuk melantikkan hakim-hakim, adakah kementerian ataupun kerajaan bercadang untuk memper-banyakkan lagi kemudahan ataupun pegawai-pegawai kita di mahkamah supaya peguam yang mempraktikkan undang-undang di luar boleh dilantik sebagai hakim untuk mendengarkan satu-satu kes sebagaimana yang dipraktikkan di England, iaitu orang yang dari luar duduk sebagai hakim mendengar kes untuk menolong kalau tidak ada hakim-hakim ataupun majistret-majistret ataupun Session Court untuk mendengarkan kes-kes yang tersebut dan kalau ada pandangan kerajaan untuk melihat ke arah ini supaya kes backlog kita mungkin boleh dihapuskan walaupun tidak kesemuanya boleh dihapuskan oleh kerana kita melihat sistem undang-undang yang kita warisi daripada Britain adalah satu sistem yang mana backlog ini berlaku bukan sahaja oleh kerana kekurangan kemudahan hakim-hakim, bukannya oleh kerana kesalahan atau kelambatan pihak polis dan pihak Peguam Negara tetapi juga oleh kerana sistem yang mana pihak lawan ataupun pihak peguam yang membela pun boleh melambatkan perbicaraan kes-kes di mahkamah.

Jadi, begitu juga kes sivil, mana-mana pihak boleh melambatkan kes, mana-mana pihak boleh menjadikan satu kes backlog oleh kerana tindakan-tindakan mungkin sama ada dengan sengaja ataupun tidak sengaja melambatkan oleh kerana sebab-sebab yang tertentu yang mungkin peguam itu memang saya percaya memang

cukup kenal kenapa dia melambatkan pendengaran mana-mana kes yang terlibat dengannya.

Jadi, saya menerima hakikat yang ini mungkin berlaku tetapi bagi pihak kerajaan penyediaan pegawai-pegawai, penyediaan tempat-tempat, penyediaan sistem itu sendiri sebagaimana undang-undang ini yang kita bahaskan di sini adalah satu kepentingan yang hanya pihak kerajaan yang boleh membuat, iaitu kemudahan di mahkamah, kemudahan pegawai, kemudahan penterjemah dan kemudahan recorder dan sebagainya, ini hanya kerajaan yang boleh membuat, yang boleh menolongkan. Jadi, kalau sistem dan prosedur-prosedur yang tertentu untuk melambatkan pengendalian kes-kes ini di mahkamah berlakunya kelambatan ataupun backlog, ini saya percaya kalau orang melihat daripada kedua-dua pihak, jangan melihat dari satu sudut sahaja, tidak akan menyalahkan kerajaan oleh kerana kelambatan pendengaran kes-kes yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong tujuan dan matlamat kerajaan dan saya berharap pihak kementerian melihat sedikit sebanyak apa yang telah saya bangkitkan tadi dan saya masih bagi mengulangkan apa yang saya perkatakan mula-mula tadi, masih sangat-sangat mempercayai dan masih menyanjung tinggi sistem kehakiman negara ini dan saya belum mendengar orang kata tidak hendak pergi ke mahkamah oleh kerana tidak percaya dengan mahkamah lagi. Jadi, saya belum ada terjumpa orang yang boleh menunjukkan kepada saya iaitu satu 'yard stick' yang menunjukkan yang hakisan kepercayaan dan kredibiliti sistem kehakiman di negara ini telah berlaku oleh kerana tindakan-tindakan kerajaan ataupun yang perlu kerajaan buat oleh kerana satu-satu sebab yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, dengan kata-kata yang sedemikian, saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Machang.

5.03 ptg.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Kehakiman 1964.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memetik satu maksud dalam undang-undang yang menyebut bahawa 'Justice delayed is justice denied', proses keadilan yang diperlambatkan itu seolah-olah menafikan keadilan itu sendiri. Atas hasrat inilah barangkali pihak badan kehakiman khususnya kerajaan dari masa ke semasa meninjau peruntukan undang-undang khususnya dalam Akta Mahkamah Kehakiman dan seterusnya membawa cadangan-cadangan serta pindaan-pindaan bagi tujuan untuk mempercepatkan proses keadilan berlangsung dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat daripada tahun 70-an hingga sekarang, sistem kehakiman dalam negara kita telah mengalami perkembangan yang begitu pesat. Saya masih ingat dalam awal tahun 70-an, khususnya di negeri Kelantan dan Terengganu pada masa itu hanya mempunyai seorang hakim di mana hakim ditempatkan di Kota Bharu dan terpaksa menjaga negeri Terengganu sama, seorang hakim bagi dua buah negeri dan saya masih ingat dalam tahun 80-an hanya seorang hakim Mahkamah Sesyen yang pada masa itu disebut sebagai Presiden Mahkamah Sesyen yang ditempatkan di bandar-bandar besar dan saya masih ingat juga seorang majistret dalam awal tahun 80-an yang ditempatkan di ibu sebuah negeri terpaksa menjadi majistret litar dan mendengar kes-kes di segenap pelosok negeri berkenaan.

Tetapi sekarang dalam awal tahun 90-an dan sekarang saya melihat bahawa misalannya di Kota Bharu sendiri daripada seorang hakim yang menjaga negeri Kelantan dan Terengganu sekarang di Kota Bharu sahaja sudah mempunyai tiga hakim Mahkamah Tinggi, manakala Mahkamah Sesyen pula mempunyai tiga hakim Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret boleh dikatakan hampir setiap jajahan

sekarang ini sudah mempunyai Resident Magistrate. Begitulah pesatnya sistem perkembangan dan proses kehakiman berjalan di negara kita dan pada masa yang sama pengharapan rakyat terhadap proses keadilan ini begitu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya tidak ragu-ragu untuk menyokong akta ini kerana sebahagian besar daripada peruntukan yang dibawa dan dicadang untuk dipinda ialah untuk mempercepatkan proses keadilan itu berlangsung.

Yang keduanya, saya nampak ialah supaya perkara yang remeh-temeh, perkara yang boleh diselesaikan oleh hanya seorang hakim tidak sepatutnya diadili, didengar oleh tiga orang hakim kerana ianya akan membuang masa, membuang tenaga dan melambatkan proses kehakiman itu sendiri. Misalannya, Seksyen 2 di dalam rang undang-undang ini yang bercadang untuk meminda Seksyen 3 iaitu makna 'keputusan', decision, dengan izin, means judgement sentence or order and etc.

Sebelum daripada ini kita melihat dalam setiap proses perbicaraan terdapat pengemukaan dokumen, pengemukaan keterangan di mana hakim membicara atau majistret yang membicara terpaksa membuat keputusan. Keputusan itu bukan keputusan di dalam kes sebenar, tetapi keputusan di dalam isu yang berbangkit, misalannya soal penerimaan dan penolakan caution statement di bawah Seksyen 113, penerimaan evidence di bawah Seksyen 27, facts leading to discovery di bawah Seksyen 27, semuanya ini melibatkan proses di mana seorang hakim itu atau seorang majistret terpaksa membuat keputusan. Dan jika setiap keputusan itu boleh dirayu ke Mahkamah Tinggi, sudah tentulah ini langsung tidak munasabah, kalau dalam satu proses perbicaraan ada tiga keputusan kecil dibuat, tiga rayuan tanpa memutuskan rayuan sebenar.

Jadi, tindakan meminda Seksyen 3 dengan mendefinisikan semula makna 'judgement' adalah merupakan satu langkah yang baik kerana keputusan dalam perbicaraan, penerimaan masuk keterangan dan sebagainya selepas dari ini, tidak lagi boleh dirayu ke mahkamah dan ini hanya boleh dibangkitkan di peringkat rayuan sebenar apabila kes itu diputuskan secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata lain, ini secara langsung akan mempercepatkan proses kehakiman dan perbicaraan itu berlangsung. Begitulah juga dengan Seksyen 9. Seksyen 9 yang hanya membenarkan seorang hakim sahaja boleh mendengar mana-mana persoalan yang ingin dirayu ke Mahkamah Persekutuan, ini juga akan mempercepatkan proses keadilan berlangsung dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini salah satu perkara yang sering dibangkitkan oleh orang ramai ialah kelambatan dalam mengendalikn kes-kes.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin tahu secara khusus berhubung dengan kes-kes yang telah disabitkan di bawah Seksyen 39B, kalau Yang Berhormat ada mempunyai angkalah, saya ingin tahu berapa keskah yang masih lagi menunggu rayuan? Kes-kes yang telah disabit hukuman mati di bawah Seksyen 39B, berapakah jumlah kes yang masih lagi menunggu rayuan untuk didengar di Mahkamah Rayuan sekarang yang masih lagi tertunggak.

Saya bangkitkan perkara ini ialah kerana memetik kata-kata seorang bekas ASP polis yang pada satu masa dahulu telah ditangkap kerana mengedar dadah dan selepas lapan tahun beliau menjalani hukuman tahanan akhirnya beliau dibebaskan dan beliau telah melahirkan rasa dukacita yang amat sangat tentang tempoh masa yang berlangsung begitu lama.

Jadi, kes-kes seperti ini adalah merupakan satu kes yang perlu dipandang serius dan perlu diselesaikan segera. Dalam hubungan ini, saya ingin mendapat penjelasan berapakah kes yang sekarang ini sedang menunggu rayuan di peringkat Mahkamah Rayuan berhubung dengan kes-kes yang telah dijatuhkan hukuman mati.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya ialah berhubung dengan kelambatan-kelambatan kes ini ialah berhubung dengan kes-kes yang melibatkan pegawai-pegawai kerajaan. Pada satu masa dahulu, Ketua Pendaftar telah mengeluarkan arahan bahawa kes-kes yang melibatkan pegawai-pegawai kerajaan terutama dalam kes-kes jenayah sama ada ianya merupakan kes melibatkan rasuah atau kes-kes lain di bawah Kanun Keseksaan mestilah diselesaikan dalam tempoh enam bulan dari tarikh beliau dituduh di mahkamah.

Tetapi saya lihat sejak akhir-akhir ini, ada kes-kes di mana sampai satu tahun yang melibatkan pegawai kerajaan masih lagi belum selesai dan tertangguh di mahkamah. Persoalannya apa jadi dengan alasan ataupun arahan Ketua Pendaftar yang pernah dikeluarkan pada satu masa dahulu. Adakah pihak badan kehakiman masih menganggap bahawa kes-kes yang melibatkan pegawai-pegawai kerajaan ini perlu diberi perhatian serius dan perlu disegerakan dan jika ini perlu disegerakan, saya ingin tahu jika Yang Berhormat mempunyai angka-angka, kalau tidak pun secara bertulis kepada saya, berapakah jumlah kes jenayah yang tertangguh yang melibatkan pegawai-pegawai kerajaan yang masih lagi belum diselesaikan di mahkamah dan mengikut tempohnya sama ada lebih dari enam bulan khususnya kes-kes yang telah tertunggak lebih daripada enam bulan kerana arahan Ketua Pendaftar dahulu mesti diselesaikan dalam tempoh enam bulan dan berapakah kes yang telah melampaui angka enam bulan tetapi masih lagi belum diselesaikan di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini sistem kehakiman dalam negara ini saya rasa sejak akhir-akhir ini terlalu peka dengan masalah-masalah yang berbangkit sama ada oleh mereka yang terlibat dalam kehakiman ini secara langsung dan secara tidak langsung. Seperti yang saya katakan tadi, pengharapan orang ramai kepada kehakiman adalah tinggi dan sistem kehakiman sendiri saya nampak mencari suatu penyesuaian supaya badan kehakiman ini dipandang tinggi oleh masyarakat. Tetapi seperti yang saya telah ucapkan dalam Dewan ini pada penggal yang lalu, jika kita mengharapkan badan kehakiman mewujudkan satu mutu yang baik ataupun sistem kehakiman negara kita diletakkan kepercayaan yang tinggi oleh rakyat dan pengamal undang-undang, maka pada masa yang sama kita mestilah meletakkan mutu yang tinggi kepada mereka yang melibatkan diri dalam persoalan undang-undang ini, khususnya saya seru ialah para peguam dalam negara ini. Pernah saya cadangkan dalam Dewan yang mulia ini jika kita mengharapkan sistem kehakiman itu bermutu tinggi maka pengamal undang-undang juga mestilah mereka yang bermutu tinggi, kalau seorang hakim Mahkamah Tinggi hanya boleh dilantik selepas mempunyai pengalaman sepuluh tahun dalam bidang kehakiman dan undang-undang, mengapa seorang peguam yang baru keluar dari universiti setahun atau dua tahun boleh hadir di hadapan seorang Hakim Mahkamah Tinggi?

Saya pernah mencadangkan dalam Dewan ini pada penggal lepas supaya kerajaan mengkaji memberi hal dengan mengambil kira tempoh perkhidmatan dan pengalaman seseorang peguam untuk hadir dalam mahkamah, misalannya seseorang yang berumur yang baru mempunyai pengalaman kurang daripada tiga tahun pengalaman undang-undang hanya boleh dibenarkan hadir di Mahkamah Majistret dan di Mahkamah Session dan mereka yang hanya mempunyai pengalaman undang-undang lebih daripada tiga tahun boleh hadir di Mahkamah Tinggi dan mereka yang mempunyai pengalaman undang-undang lebih dari lima tahun ke atas boleh dibenarkan hadir di Mahkamah Rayuan dan di Mahkamah Persekutuan. Dengan cara ini sahaja, saya berpendapat bahawa mutu sistem kehakiman kita akan dapat dipertahankan, sebab sistem keadilan bukan hanya bergantung semata-mata kepada badan kehakiman tetapi memerlukan kerjasama dari mereka yang mengamalkan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu perkara yang juga saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini juga ialah mengenai alasan penghakiman. Pada masa ini, tidak ada satu tempoh tertentu, hakim-hakim diberi ruang untuk sama ada membuat pilihan, menulis alasan penghakiman pada masa keputusan dibuat atau membuat keputusan secara ringkas dan melakukan penulisan keputusan itu di satu masa yang berlainan, itu

diberi kebebasan. Kadang-kadang ada hakim membuat keputusan dengan izin, I dismissed your application with cost, tanpa apa-apa alasan diberikan, dalam suatu kes yang besar misalnya tentulah ia akan melibatkan ketidaksenangan hati kepada salah satu pihak di dalam litigation tadi.

Jadi, saya hendak mencadangkan supaya alasan penghakiman bagi seorang hakim mestilah diberikan pada masa keputusan itu dibuat khususnya berhubung dengan penghakiman secara bertulis. Ini adalah untuk meyakinkan litigant yang terlibat, mereka yang terlibat dalam dispute yang dibawa ke mahkamah, kadang-kadang ada kes di mana apabila seorang Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret bertukar ke tempat lain, alasan penghakiman langsung tidak dibuat. Saya sendiri mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dalam tiga kes, di mana rayuan dibuat ke Mahkamah Tinggi tetapi alasan penghakiman langsung tidak ditulis, akhirnya Hakim Mahkamah Tinggi terpaksa membuat ulang kajian di bawah Seksyen 323 tanpa ground of judgement.

Jadi, perkara-perkara seperti ini dapat dielakkan jika alasan penghakiman itu diberi semasa keputusan dibuat. Pertama, ianya akan memberi rasa puas hati kepada mereka sama ada mereka yang kalah atau menang di dalam litigation yang berlaku di mahkamah tadi.

Tuan Yang di-Pertua, jadi perkara ini, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan mengambil berat mengkaji semula atas peruntukan dan jika perlu memperkenalkan suatu undang-undang bahawa penghakiman bertulis itu diberi semasa keputusan itu dibuat.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang paling akhir saya hendak bangkitkan ialah perlantikan Judicial of Commissioner (JC). Amalan-amalan yang ada dalam negara kita sekarang ini bahawa sebelum seseorang itu dilantik sebagai hakim tetap, mereka boleh dilantik sebagai Judicial of Commissioner (JC). Judicial of Commissioner ini jawatannya ialah sementara dan dari tahun ke tahun, tujuannya ialah untuk mempercepatkan pendengaran kes-kes dan mereka yang dilantik JC ini kelayakannya hampir sama dengan seorang yang akan dilantik menjadi seorang hakim iaitu mempunyai pengalaman undang-undang tidak kurang daripada sepuluh tahun, tetapi apa yang dipertikaikan oleh ramai orang ialah bahawa oleh kerana tempoh perkhidmatan seorang JC itu ialah daripada tahun ke tahun dan secara kontrak, maka kebebasan beliau untuk membuat keputusan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak adalah diragukan. Misalnya, seorang JC yang hanya baru berkhidmat selama setahun mengharapkan bahawa selepas tamat tempoh tiga tahun, selepas diperbaharui tahun demi tahun, beliau akan dielevated sebagai Hakim Mahkamah Tinggi. Jadi, orang berpendapat bahawa oleh kerana kedudukan sebagai JC ini tempohnya adalah sementara, maka beliau difikirkan ragu-ragu untuk membuat keputusan, maka keputusan yang akan dibuat kebanyakannya, ini pada pandangan orang, adalah menyebelahi pihak pendakwa.

Jadi, bagi mengelakkan perkara ini berlangsung pada saya, perlantikan JC ini pada masa ini tidak perlu lagi. Saya mencadangkan supaya perlantikan Judicial of Commissioner ini dikaji semula dan tidak perlu lagi wujud Judicial of Commissioner dalam negara ini. Kita mempunyai hakim-hakim yang cukup saya rasa, misalnya seperti saya sebut di Kota Bharu kita ada tiga hakim sekarang, semasa Tan Sri dahulu tahun 60-an hanya seorang sahaja Kelantan cover Terengganu, sekarang ini tiga hakim di Kota Bharu.

Jadi, apa perlunya lagi kita melantik seorang Judicial of Commissioner (JC) sedangkan perlintikannya banyak dipertikaikan oleh ramai mereka yang terlibat dengan proses keadilan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, dengan hasrat untuk membantu sistem kehakiman negara kita menjalankan proses keadilan tanpa melengah-lengahkan

proses penghakiman tadi, saya menyokong Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teluk Intan. Selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**5.20 ptg.**

**Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1998.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu bahawa hakim-hakim yang sedia ada di negara ini ada juga yang jatuh sakit, ada juga yang minta cuti dan bercuti dan sebagainya. Dalam masa itu, tidak ada hakim yang mengendalikan kes di mahkamah-mahkamah tersebut. Baru-baru ini di Kuala Lumpur, bila telah dijadualkan untuk beberapa dikatakan dengan izin, chambering students yang ditetapkan di satu Mahkamah Tinggi, tiba-tiba pada pukul 9.00 pagi dikatakan hakim tersebut telah jatuh sakit, yang jadi malang adalah murid-murid satu event yang sangat special untuk mereka, di mana seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Tuan Yang di-Pertua tahu bahawa mendapat dengan izin, we call to the Bar in such a distinguishing to one in this profession.

Malangnya pada hari itu walaupun telah dipohon bahawa kes-kes di mana di depan hakim tersebut dipindah ke mahkamah yang lain untuk didengar supaya ibu bapa pihak yang berada di mahkamah dan kawan-kawan yang sedang berada menunggu satu keputusan di mana pihak yang layak diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara negeri-negeri Tanah Melayu tidak dapat dijalankan oleh kerana hakim tersebut telah jatuh sakit.

Tetapi yang menjadi aneh adalah pihak yang berada di mahkamah, saya difahamkan Majlis Peguam pada hari itu telah menemui setiausaha hakim tersebut dan telah memohon bahawa kes itu didengar oleh seorang hakim yang lain, akan tetapi saya difahamkan hakim tersebut telah dengan tegas mengatakan kes-kes di mahkamah saya tidak boleh didengar oleh mahkamah lain. Oleh yang demikian, semua orang yang datang ke mahkamah kebanyakan dari mereka adalah yang pertama kali datang apatah lagi bila anak mereka sedang diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara negara ini. Apakah pandangan mereka, apakah peringatan mereka terhadap hakim tersebut dan terhadap kehakiman.

Jadi, dalam keadaan ini bukan sahaja memberi satu confidence, dengan izin, telah shaken confidence kepada judiciary menunjukkan hakim tersebut ingin apa yang boleh dikatakan lebih mengistimewakan bahawa semua kes-kes yang ada di mahkamah beliau adalah kepunyaan beliau sendiri dan bukan satu kes yang patut dijalankan dan diuruskan oleh kehakiman.

Jadi, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri semestinya tahu mengenai hal ini, saya harap hakim tersebut tidak lagi dibenarkan untuk mendengar kes-kes tersebut di mana peguam-peguam pelatih yang diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara adalah satu event yang sangat special dan jika semua yang berada pada hari itu tidak dibenarkan lebih-lebih lagi saya difahamkan ada hakim-hakim Mahkamah Tinggi yang lain yang sudi dan rela mendengar, apakah ini terjadi dan apakah tindakan yang akan diambil dalam perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai jurubahasa, saya telah menyentuh mengenai perkara ini banyak kali di Dewan yang mulia ini di mana kita semua tahu jurubahasa terutama sekali jurubahasa dari golongan bahasa Cina sangatlah kurang.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini satu temuduga telah diadakan di Ipoh, saya difahamkan empat orang atasan telah datang ke Ipoh untuk menjalankan temuduga tersebut, sangat cantik. Sebenarnya banyak yang telah memohon untuk

mendapat kerja, tetapi hanya seorang sahaja yang memohon untuk mendapat kerja sebagai jurubahasa Cina dan empat orang atasan bila pergi ke Ipoh, sampai ke Ipoh tidur satu malam, keesokan hari ingin menjalankan interview, pemohon pun tidak dapat datang ke mahkamah, berapa banyak wang yang dibazirkan?

Dengan terus terang menunjukkan bahawa kita ada satu problem di mana jurubahasa Cina terutamanya tidak ingin bertugas di Jabatan Kehakiman oleh kerana kita tidak boleh menafikan bahawa elaun-elaun yang tertentu yang tidak direvised, saya difahamkan, coat allowance, language allowance telah lebih kurang sembilan belas tahun tidak direvised langsung. Jadi, macam mana kita dapat memberi satu dorongan, satu insentif supaya orang-orang yang berketurunan Cina dan berkelayakan dapat memasuki servis.

Jadi, walaupun saya telah beberapa kali membangkitkan perkara ini dan lebih kurang satu bulan dahulu Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan di Dewan yang mulia ini, bahawa oleh kerana mereka adalah satu skim di bawah JPA maka tidak dapat mengambil apa-apa tindakan pada masa ini tetapi saya pohonlah bahawa kerajaan akan mengkaji balik, kita perlu tahu kenapa bailiff di negara ini telah dinaikkan pangkat, kenapa gaji mereka telah dinaikkan, apakah alasan mereka.

Sebenarnya, di kebanyakan negara Komanwel bailiff telah diswastakan, apakah sebab mereka diberi keutamaan, bukan keutamaan kepada jurubahasa dan saya difahamkan sepuluh hari dahulu, surat-surat telah dihantar kepada semua jurubahasa di negara ini dan ada beratus-ratus soalan, di antaranya satu perkara yang sensitif adalah: "Adakah kamu rela untuk bersara dari servis bila ia diswastakan?" Jadi, perkara seperti ini kita perlu kaji balik kerana adakah jurusan jurubahasa patut diswastakan. Kalau kita swastakan jurusan jurubahasa ini akan membawa beberapa gejala, satu dari faktornya ialah di mana pihak-pihak yang membawa kes ke mahkamah akan diarah untuk membayar untuk menggunakan servis jurubahasa. Ini akan menjadi masalah kerana ada banyak atau ramai orang yang membawa kes ke mahkamah, apatah lagi kita susah mendapat servis peguam, apa lagi di arah membayar khidmat jurubahasa serta-merta pada hari kehadiran.

Jadi, ini adalah satu dari masalah yang perlu diteliti dengan serius kerana social justice cannot be bought, should not be bought, dengan izin. Jadi, saya harap jurusan jurubahasa diberi keutamaan, diiktiraf sebagai satu jurusan profesional supaya gaji mereka dapat diteliti, dapat dinaikkan. Bukan sahaja setakat itu, kepada orang-orang yang menggunakan lebih dari satu dialek, seperti di negara India, bahasa Telegu, Malayalam, Kamateka, Hindi perlu dibayar, seperti bila saya difahamkan tiga puluh tahun dahulu, mereka dibayar juga bahasa Cina dialek mereka seperti Kantonis, Hokkien, Hock Chu dan sebagainya.

Oleh kerana tidak ada bayaran yang dibuat kepada sesuatu dialek itu, mereka tidak ada satu dorongan untuk bekerja supaya mereka mendapat elaun. Elaun itu tidak banyak, sebenarnya saya difahamkan dibayar sebanyak RM75 atau RM50 sebulan. Jadi, kalau kita ingat balik ini adalah satu faktor di mana ramai jurubahasa terutamanya jurubahasa dari bangsa Cina tidak ingin berkhidmat di Jabatan Kehakiman.

Saya harap masalah ini dapat diambil tindakan supaya kes-kes yang ada di mahkamah-mahkamah tidak ditangguh dan ditunda. Saya juga difahamkan banyak kes di mahkamah ditunda oleh kerana kekurangan jurubahasa. Jadi, saya harap satu tindakan yang tegas dapat diambil.

Di bulan Disember yang lalu, saya telah membangkitkan bahawa di kawasan saya di Teluk Intan tidak ada posting seorang Hakim Mahkamah Tinggi walaupun bangunan Mahkamah Tinggi telah disediakan lebih kurang tiga tahun yang lalu.

Saya telah membangkitkan perkara ini dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengatakan bahawa satu hakim akan dihantar ke Teluk Intan, akan tetapi hingga ke hari ini, hakim tersebut tidak ada di Teluk Intan dan saya

difahamkan, satu dari sebabnya bukanlah ...., mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri kata di Dewan yang mulia ini, bahawa kegawatan ekonomi tetapi satu faktor adalah kerana, sebenarnya di selatan Perak, tidak ada kes-kes komersial yang banyak di mana satu hakim 'full time', dengan izin, diperlukan di Teluk Intan. Jadi saya harap walaupun kemungkinan macam ini, saya harap satu hakim litar akan dapat dicalonkan dari Ipoh supaya akan bertugas seperti di mahkamah-mahkamah lain di negara ini, yang mula-mula dengan hakim litar. Satu hakim di Teluk Intan yang akan berfungsi kalau boleh dari Kuala Lumpur atau dari Ipoh.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya juga ingin mengatakan mengenai perlantikan hakim-hakim di negara ini. Perkara ini telah banyak kali dibangkitkan di Dewan yang mulia ini, di mana satu mekanisme perlu wujud, mekanisme yang transparent dan lebih diketahui macam mana sistem perlantikan yang dikatakan, boleh bebas. Sebenarnya di Amerika dan sebagainya, bila seseorang hakim dilantik mereka perlu pergi di depan Kongres, soal balas mengenai latar belakang mereka dan sebagainya dan di negara ini, tidak wujud.

Jadi saya harap, perkara ini dapat diteliti dan cadangan Majlis Peguam supaya satu mekanisme yang bebas di mana di antara lain, tokoh-tokoh yang ada kena-mengena dengan kehakiman seperti hakim-hakim yang telah bersara, peguam-peguam yang ber'experience' yang telah menjalankan tugas lebih daripada 35 tahun, boleh berada di majlis atau badan tersebut supaya, dengan izin, 'short listed candidate', dapat diberi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya dicalonkan sebagai Hakim Mahkamah Tinggi. Saya percaya ini akan membawa lebih manfaat dan akan membawa sistem yang lebih 'accountable' dan 'transparent'.

Seperti yang dikatakan oleh kawan saya dari Machang, satu problem di mahkamah adalah 'ground for judgement'. Sebenarnya saya sendiri telah membangkitkan perkara ini dan di Ipoh, di mana bila seorang peguam dijatuhkan penjara, dua minggu dan di 'fine', hingga hari ini, perkara itu telah lebih kurang 2½ tahun tidak ada 'ground for judgement', beberapa kali surat telah dihantar kepada hakim tersebut, hingga hakim itu telah dapat SSB, ini satu perkara yang cantik. Tidak menulis 'no ground for judgement', ini menunjukkan kebolehan yang sangat tinggi, hingga boleh mendapat SSB.

Jadi inilah faktor-faktor yang kita perlu ingat hingga hakim tersebut di depan mahkamah meminta maaf kepada peguam, satu peguam yang sebelum itu menjadi Timbalan Presiden Majlis Peguam, kerana telah menggunakan perkataan-perkataan yang tidak boleh digunakan oleh seorang hakim bila sedang bersidang di mahkamah. Walaupun sedemikian, hakim itu disanjung tinggi dan - tidak boleh sebut nama, saya selalu berdepan dengan hakim mahkamah tersebut,..... sudah disenaraihitam.

Jadi adakah perkara ini dilanjutkan lagi? Saya cadangkan oleh kerana dia telah meminta maaf kepada peguam, saya mengatakan perkara ini kerana menunjukkan 'character' hakim-hakim perlu diambil kira sebelum dilantik sebagai hakim, lebih-lebih lagi sebagai Hakim Mahkamah Tinggi. Jadi saya harap, hakim tersebut akan diambil tindakan dari segi undang-undang dan diambil tahu kenapa beliau telah mengeluarkan perkataan-perkataan yang tidak senonoh.

Kalau perlu ramai peguam di Ipoh dapat memberi keterangan, memberi penjelasan, lebih-lebih lagi kenapa hakim tersebut tidak dibuang kerja, dan kenapa beliau telah diberi SSB? Bukan sahaja satu kes yang saya difahamkan, saya difahamkan banyak kes sivil yang telah dirayu ke Mahkamah Tinggi dan hakim tersebut hingga hari ini, berbulan-bulan 'ground for judgement' tidak ditulis, enggan ditulis. Jadi saya harap satu kenyataan yang menyeluruh dapat diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi, Yang Berhormat?

**Tuan M. Kulasegaran:** Sedikit saja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sedikit lagi. Berkenaan dengan hakim ini Yang Berhormat, Yang Berhormat tahu, kata dia itu bebas. Apabila dia bercakap dalam mahkamah, kadang-kadang itu terlajak, orang lain tidak boleh buat apa. Kalau sekiranya orang lain boleh menegur dia, mengata dia, maka dia tidak bebas lagi. Cara yang hendak buang dia itu ialah dengan mengambil tindakan di bawah Perlembagaan, kerana kebebasan dia.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih. Bila saya menegur, dia hantar saya ke penjara (prison) Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu beritahu kepada Dewan yang mulia ini, kerana saya tidak mahu dipenjarakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itulah kuasa yang diberikan kepada hakim.

**Tuan M. Kulasegaran:** Itu bukan hal saya, saya nak beritahu kerana aelepas itu hakim tersebut telah diberi SSB dan sebagainya. Itu kita nak tahu, mungkin connections yang tertentu.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai small claim court yang telah wujud beberapa tahun dahulu tetapi sekarang telah lenyap. Walaupun perkara ini sangat mustahak, saya harap kerajaan akan meneliti perkara ini small claim court di mana kurang daripada RM5,000 supaya perkara kes-kes sivil terutamanya dapat didengar kalau boleh peruntukan-peruntukan dipinda seperti Akta Syarikat dan sebagainya untuk mengelak peguam mengendalikan kes-kes, tetapi untuk membolehkan litigants menjalankan kes dengan satu hakim untuk mendengarnya dan menyelesaikan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, satu perkara sahaja lagi saya ingin bangkitkan adalah mengenai Hakim Dato' Seri Vesu Sinnadurai. Saya ingin tahu apakah sebab beliau telah meletakkan jawatan, adakah dia dipaksa dan pada hari dia diarahkan pindah ke Sarawak, kereta Mercedesnya telah ditarik balik, current di rumah dia telah dipotong, air di rumah dia telah dipotong dan adakah ini yang menyebabkan hakim tersebut meletak jawatan memandangkan dia adalah seorang hakim yang sangat disanjung tinggi oleh kebanyakan rakyat di Malaysia ini yang telah menjalankan tugas tanpa fear or favour. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.39 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Batang Lupar, Machang dan Teluk Intan yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan rang undang-undang ini.

Di dalam hujah yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang - Tanjong, beliau telah membangkitkan dan bahawa ini adalah tahun kesepuluh bermulanya krisis kehakiman pada tahun 1988 dahulu dan membayangkan bahawa sehingga ke hari ini keyakinan kepada kehakiman ini masih lagi belum pulih. Saya ingin memperingatkan kepada beliau juga sebagai jawapan kepada Batang Lupar, saya kira oleh kerana kehakiman ini selalu dikaitkan dengan kerajaan, semenjak 10 tahun yang lepas, tahun 1988 kita telah mengadakan 2 kali pilihan raya dan pada pilihan raya 1995 ini, kerajaan yang dikatakan terlalu dekat dengan kehakiman sekarang ini telah pun dikembalikan untuk menubuhkan kerajaan sebanyak 2 kali. Ini jelas menunjukkan bahawa walaupun pembangkang telah bersungguh-sungguh untuk menggunakan soal keyakinan terhadap kehakiman ini, sebagai satu isu besar dalam pilihan raya, namun rakyat tidak menerima pandangan itu dan telah memilih Barisan Nasional kembali untuk menubuh kerajaan pada 2 kali pilihan raya.

Jadi, ini jelas menunjukkan bahawa keyakinan terhadap kehakiman ini telah pun pulih dan ini juga sebagai satu tanda pengukur kepada keyakinan seperti yang diminta oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan soal independence of judiciary di dalam negara kita. Saya ingin nyatakan di sini bahawa satu prinsip penting yang diamalkan ialah badan kehakiman di negara kita adalah bebas daripada dipengaruhi oleh pihak kerajaan atau mana-mana pihak lain. Badan kehakiman membuat keputusan sesuatu kes hanya berdasarkan kepada bukti dan keterangan yang dibuktikan oleh mahkamah dan bukan di tempat lain. Badan kehakiman tidak boleh menerima apa-apa arahan dari pihak kerajaan dan mana-mana pihak lain dalam memutuskan sesuatu kes. Jadi adalah tidak benar untuk Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan bahawa tidak ada independence of judiciary, dengan izin, dalam negara kita.

Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa Yang Berhormat dari Tanjong telah merujuk kepada sebuah buku dalam soal independence of judiciary ini, dengan izin, sebuah buku yang ditulis oleh Dr. Rais Yatim tetapi saya ingin menyatakan di sini bahawa beliau bukanlah seorang yang authority, dianggap sebagai authority dalam hendak membuat keputusan ataupun pandangan dalam soal kebebasan kehakiman di negara kita kerana kita tengok latar belakang dia sendiri pun satu orang yang telah terlibat dalam politik dan melompat daripada satu parti ke satu parti. Ini jelas menunjukkan bahawa bukanlah satu latar belakang yang baik, maka dia tidak bolehlah digunakan sebagai satu authority dalam soal hendak menentukan independence of judiciary dalam negara kita. Apatah lagi beliau juga bukanlah seorang ahli Bar Council ataupun seorang peguam yang disegani dalam profesionnya. Jadi sebab itu saya kira merujuk kepada buku beliau itu sebenarnya tidak mendatangkan apa-apa kekuatan kepada hujah yang telah dibangkitkan oleh beliau sendiri.

Yang Berhormat dari Tanjong juga ada membangkitkan sebagai menunjuk bukti bahawa sudah hilang keyakinan kepada judiciary, badan kehakiman negara kita ini apabila jelas dalam kontrak-kontrak yang melibatkan pihak-pihak luar negara banyak daripada mereka yang datang dari luar negara tidak mahu merujuk kes-kes arbitration dalam negara kita. Saya ingin menyatakan bahawa kalau saya sebagai seorang peguam pun, dengan izin, is prudent and wise for me to advice my client kalau sekiranya berlaku apa-apa pertikaian, maka hendaklah kita rujuk kepada negara ketiga, that's wise and prudent. Maknanya kalau seorang daripada Singapura datang membuat perjanjian di sini maka sudah tentu kalau satu pihak itu ada kaitan dengan negara Malaysia, jadi untuk mendapatkan keadilan, justice seen to be done sudah tentu kita menasihatkan supaya arbitration itu dibuat di negara ketiga. Jadi itu bukan satu bukti menunjukkan bahawa orang sudah hilang keyakinan kepada badan kehakiman kita. Jadi sebab itu membawa perkara ini sebagai satu bukti hilang keyakinan terhadap badan kehakiman adalah meleset dan saya kira itu adalah semata-mata diwujudkan kerana ketiadaan bukti yang kukuh untuk memperkuatkan hujah dia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong juga ada menyatakan bahawa badan kehakiman kita langsung, dengan izin, intolerance - terlalu intolerance, tidak boleh menerima kritikan daripada mana-mana pihak dan sebagai untuk memperkuatkan hujahnya dia telah membaca sebahagian daripada ground proceeding berkenaan dengan kes Yang Berhormat dari Kota Melaka. Dan seperti biasalah pembangkang ini, dia baca sebahagian daripada ground for judgement itu, kalau PAS dia baca sebahagian sahaja ayat Quran, jadi begitu juga Ketua Pembangkang, dia hanya membaca bahagian yang dalam ground of proceeding itu yang hanya menyebut tentang boleh menimbulkan satu hujah memperkuatkan hujahnya yang menyatakan bahawa badan kehakiman dengan izin, very intolerance kepada kritikan-kritikan yang dibuat oleh pihak awam.

Oleh kerana saya rasa perlu untuk mempertahankan badan kehakiman, izinkan saya membaca sedikit daripada ground judgement yang sama yang dirujuk oleh Ketua Pembangkang, bahagian yang patut disebut oleh dia tetapi tidak disebut oleh dia. Izinkan saya bercakap dalam bahasa Inggeris, saya menyebutkan di sini, di dalam ground of judgement itu dia menyatakan:

*It is of vital importance that the public enjoy confidence in the administration of justice of which the court forms an integral part. Speeches or publications that brings the administration of justice into hatred or contempt, produce a serious consequence for they have the effect of destroying public confidence in one of the pillars of democratic system of government. It is in recognition of this harm that Parliament enacted section 3(1)(c) of the Sedition Act. The seriousness with which the law treat allegation of partiality and bias on the part of those entrusted with the administration of justice is well illustrated by Resarbadicharee 1906, 95 LTB 94 - where an article published by a barrister which included the following passage.*

Dia seorang peguam mengkritikkan kehakiman mengatakan:

*So our readers can easily see that we have a wonderful Chief Justice who punishes and assail and not an assailant with miraculous readiness and activity. He punishes not the wrong doers but the wrong and thus he uphold justice. Privy Council held this to be a contempt of court. Sir Andrew Scoval who delivered the advice of the board observe at page 895 of the report, that it is essential to the proper administration of justice that unwarranted attacks should not be made with impunity upon judges in their public capacity.*

Jadi ini jelas menunjukkan bahawa seperti yang disebut juga dalam kes ini dia kata:

*We are not for a moment saying that no criticism of a court is ever possible. It is not judicial policy to muzzle criticism of judges or their judgement and we would in these contact merely echo what was said in Hock Hua Bank (Sabah) Berhad vs Yong Leok Ting & others 1995 II MLJ 213.222. Criticism of a judge is part of the territory in which he operates so long as that criticism is made bona fide, base on facts in conformity with law none least of all a judge should mind for there is no acquisition of knowledge without criticism. Over sensitivity to criticism may result in ignorance or much worse intellectual arrogance to decide a point in fear of criticism is to abdicate duty. These are matters that form part of well recognise judicial philosophy and should require no reiteration.*

*It is only when criticism exceeds it legitimate bound and become prescribe conduct that the court will intervene where the particular conduct falls within the parameters of permissible criticism or has cross the line to become criminal conduct depend upon the fact of each case.*

Ini jelas menunjukkan bahawa hakim ini, dengan izin address the matter berkenaan dengan kritikan yang dibuat terhadap mereka dan dia menjelaskan dalam keadaan apakah boleh diberikan kritikan dan kalau dia melampaui satu garisan sudah tentu tindakan akan diambil. Jadi tidak adil untuk kita hanya menyebut satu sahaja daripada bahagian 'ground of judgement', kemudian meninggalkan lagi sebahagian yang besar di mana hakim yang menghakimi kes ini mengiktiraf hakikat bahawa hakim-hakim memang boleh dikritikkan, tetapi 'within bounds' seperti yang telah saya sebut sebentar tadi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, maka tidak betullah untuk hendak mengatakan bahawa hakim ini langsung tak boleh kritik, mereka tahu tentang tanggungjawab mereka.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan, sebenarnya tadi dalam ucapan saya, saya bukan mempertikaikan Judgement Yang Arif Gopal Sri Ram, oleh kerana ini bukan tujuan saya. Saya ada memetikkan satu perenggan mengenai pandangan beliau of vital, mengenai budi bicara Peguam Negara dan saya langsung tidak menimbulkan mengenai sama ada mengikut pandangan Justice Gopal Sri Ram bahawa pandangan beliau benar tak benar, betul tak betul oleh kerana itu bukan tajuk perbincangan, sungguh pun saya ada bincang perkara itu tetapi perkara yang timbul oleh kerana kita bukan untuk merayukan atau proses merayukan terhadap rayuan beliau, keputusan beliau tetapi, point utama dan saya kemukakan ialah mengenai kefahaman keadilan, keadilan dan kalau benar bahawa macam peranan yang disebutkan bahawa dengan izin, could they have the effect, kalau apa-apa - speeches or publications that brings the administration of justice into hatred or contempt, produce a serious consequence for they have the effect of destroying public confidence in one of the pillars of democratic system of government. It is in recognition of this harm that Parliament enacted section 3(1)(c) of the Sedition Act, yang ada disentuh oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Masalah di sini bukan kita mahu bincangkan mengenai kes itu oleh kerana itu kes untuk Federal Court, tetapi dimension public interest ialah kalau itu benar, bahawa inilah sangat serius daripada segi budi bicara Peguam Negara.

Kenapa apabila seorang Hakim Mahkamah Tinggi ada keluar surat layang 33 muka tebal ada 112 tuduhan terhadap 12 orang hakim yang boleh kata satu tuduhan yang tidak ada tindakan yang lebih serius to bring the administration of justice judiciary into repute, hatred and contempt, tidak ada tindakan diambil, tetapi Peguam Negara, buat keputusan untuk tidak mahu ambil tindakan untuk mendakwa hakim tersebut dan cukup oleh kerana beliau letak jawatan dan dengan kes sama ada Yang Berhormat daripada Kota Melaka atau hal yang lain boleh banding, perbandingan dan inilah di mana accountability, budi bicara Peguam Negara perlu ditunjukkan apabila banding apa yang lebih berat. Kalau ini benar, bukankah Hakim Mahkamah Tinggi yang ada menjadi author surat layang itu patut bukan sahaja 6 tahun penjara tak cukup, life imprisonment pun tak cukup, kalau mahu banding dengan kes-kes yang diadakan oleh Peguam Negara, dari segi itu, kita tidak mahu argue mengenai kes Yang Berhormat dari Kota Melaka oleh kerana itu kes Federal Court, tapi dari segi aspek public interest .

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat lain kali, bila saya jawab, datanglah awal sikit sebab Yang Berhormat saya belum lagi sentuh keyakinan kepada AG, jawapan saya tadi ialah kritikan kepada judiciary. Yang Berhormat sebut hanya sebahagian daripada ground of proceeding yang dikeluarkan. Kalau Yang Berhormat sudah sebut ground of proceeding dalam ucapan Yang Berhormat, apa fasal saya tidak boleh cakap pula, saya hendak jawab. Sebab itu lain kali, bila saya jawab, datang awal. Jadi, saya belum sampai keyakinan kepada AG ini, saya hendak sampai sini. Saya bercakap tentang kritikan kepada judiciary.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagilah, bagilah dia jawab Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan sedikit.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nantilah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan sedikit. Penjelasan saya ialah saya bukan mahu kritik seluruh keputusan yang dibuat oleh Justice Gopal Sri Ram, oleh kerana itu bukan tajuk kita. Tapi, saya timbulkan satu perenggan oleh kerana bersabit dengan kedudukan peranan Peguam Negara, sama ada perlu atau tak perlu, boleh atau tak boleh untuk disoalkan, untuk dikritik, ditegurkan sama ada beliau perlu bertanggungjawab terhadap prinsip accountability dan ketelusan itu.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, saya menyentuh ucapan Yang Berhormat berkenaan dengan kritikan terhadap judiciary, saya tidak pernah kata Yang Berhormat, kritikan keputusan Gopal Sri Ram, ini makan cili rasa pedas, apa fasal? Saya cakap secara umum iaitu dalam ucapan Yang

Berhormat tadi, saya dengar dan saya catat, menceritakan bahawa judiciary merasakan bahawa mereka tidak boleh dikritik, sebab itu saya jawab tadi dan sebab itu Yang Berhormat, bila saya jawab - dengar, saya tidak pernah kata Yang Berhormat kritik keputusan Gopal Sri Ram, tak pernah. Saya cuma secara umum membangkitkan kritikan terhadap judiciary, Tuan Yang di-Pertua. Yang itu saya jawab. Jadi, sekarang kita pergi kepada keyakinan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ini baru topik yang Yang Berhormat bangkitkan sekejap ini tadi.

Ada Yang Berhormat dari Tanjong bangkit masalah dengan keyakinan kepada Peguam Negara, dan beliau bangkit berkenaan dengan soal selective prosecution dan macam-macam lagi. Selective prosecution kita boleh lihat dari pandangan siapa, kadang-kala ada selective prosecution daripada segi kita dalam kerajaan mengatakan bahawa berlaku selective prosecution kerana ada pihak-pihak pembangkang yang tidak didakwa. Sebagai contoh saya hendak sebut di sini, pihak Peguam Negara menjalankan tanggungjawab dia dengan bebas. Sekiranya siasatan yang dijalankan oleh agensi penguatkuasa tidak menunjukkan keterangan untuk mendakwa maka Jabatan Peguam Negara, tidak akan mendakwa tidak kira latar belakang individu itu, sebagai contoh pemimpin parti pembangkang, Yang Berhormat dari Tanjong tidak didakwa kerana disyaki melakukan kesalahan tidak membayar tol berkaitan dengan satu siasatan di bawah seksyen 25(2)(A) Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia Perbadanan 1980.

- (a) Beliau juga tidak didakwa kerana terlibat di dalam satu kemalangan jalan raya di mana beliau memandu kereta berkenaan kerana bukti yang ada tidak memadai;
- (b) Yang Berhormat Tuan Wee Choo Keong, dulu wakil DAP, di Bukit Bintang beliau tidak didakwa berkaitan dengan siasatan terhadapnya mengikut seksyen 182 Kanun Keseksaan kerana tidak cukup bukti;
- (c) Yang Berhormat kawan kita dari Kubang Kerian tidak didakwa berkaitan dengan satu ceramah yang telah menimbulkan kekacauan kerana tidak cukup bukti; dan
- (d) 60 orang ahli-ahli parti pembangkang dan ahli-ahli NGO yang mengambil bahagian dalam persidangan APCET II tidak dituduh memandangkan tiada bukti yang mencukupi.

Jadi, kalau dari pihak kerajaan kita juga hendak merasa bahawa berlaku selective prosecution, kita juga boleh kompelin, marah mengapa tidak dakwa Yang Berhormat dari Bukit Bintang, tak dakwa Yang Berhormat dari Kubang Kerian, tak dakwa Yang Berhormat dari Tanjong, tak dakwa NGO 60 orang? Tetapi kita tidak buat demikian, apabila Peguam Negara mengatakan bahawa tidak ada bukti, tidak adalah dan saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa tidak benar untuk mengatakan bahawa ada bias Peguam Negara terhadap pembangkang ataupun bias dengan izin, infavour of kerajaan. Jabatan Peguam Negara sebagai contoh berpegang kepada dasar sentiasa bersedia, untuk review case dan menimbang semula suatu keputusan yang telah dibuat dari masa ke masa demi keadilan semua pihak.

Jika keadaan mewajarkan seperti berlaku satu kes bekas pemimpin DAP Encik V. David dan Encik Zainal Rampak telah dituduh bagi kesalahan pecah amanah di bawah seksyen 409, kemudian keputusan telah diambil untuk tidak meneruskan pendakwaan setelah menimbang fakta-fakta baru yang timbul setelah mereka dituduh di mahkamah. Jabatan ini juga dalam banyak kes telah meminda pertuduhan kepada pertuduhan yang lebih ringan apabila satu representasi dibuat. Ini termasuk juga kes-kes di mana seorang tertuduh pada asalnya dituduh di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman mati, tapi telah dipinda kepada kesalahan di bawah seksyen 39A2 yang membawa hukuman yang lebih ringan iaitu penjara sehingga 20 tahun. Terdapat kes di mana pada asalnya tertuduh didakwa di bawah seksyen Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati, tetapi kemudiannya dipinda kepada kesalahan di bawah seksyen 304 Kanun Keseksaan yang membawa

hukuman penjara sahaja. Keputusan-keputusan untuk meminda pertuduhan dibuat telah menimbang fakta-fakta baru dan juga atas dasar keperimananusiaan.

Yang Berhormat dari Jelutong sedia maklum kerana dia sebagai peguam sendiri telah banyak membuat representasi kepada jabatan ini supaya pertuduhan-pertuduhan anak guamannya dikurangkan dalam kes-kes yang wajar, jabatan ini bersetuju dengan permohonan dari Yang Berhormat dari Jelutong. Ini menunjukkan bahawa kita adil, tetapi kalau dia tanya kepada kita sudah tentu macam pihak kerajaan menyatakan mengapa tidak dakwa? mengapa tidak dakwa Tanjong, mengapa tidak dakwa Bukit Bintang tetapi kita tidak berbuat demikian. Apabila Peguam Negara menyatakan tidak cukup kes, tidak ada bukti, tidak dijalankan kes, kita duduk diam sahaja. Jadi ini menunjukkan bahawa kalau kita hendak sebut, hendak ungkit banyak juga Peguam Negara yang keputusannya itu kita tidak puas hati. Kerana kita merasakan yang kena tuduh itu pembangkang mengapa dia hendak jaga hati pembangkang sebab pembangkang ini bising kalau kena dakwa. Ketua Pembangkang, bukan kecil punya orang. Sebab dia seorang yang berpengaruh kalau dia didakwa mungkin akan berlaku kecoh, jadi mungkin Peguam Negara kata tidak mahu dakwa. Kita marah tetapi hendak buat macam mana, itu kita akur dengan keputusan yang dibuat oleh Peguam Negara. Sebab itu saya kata, bagi pihak kerajaan, kita rasa tidak usah ungkit-ungkitlah, sebab dia ungkit satu, kita boleh ungkit dua, dia ungkit dua kita ungkit empat, dalam banyak hal Peguam Negara mengambil pertimbangan dia sendiri yang tidak ada kaitan dengan yang dikatakan ada pengaruh daripada pihak kerajaan.

Yang Berhormat dari Tanjong juga menyatakan bahawa ada berlaku use a passion of power oleh Perdana Menteri kerana kenyataan yang dibuat apabila ditanya tentang kes Kota Melaka. Yang Berhormat dari Kubang Pasu, Perdana Menteri Malaysia, jadi kalau pemberita-pemberita bertanya pandangan beliau hal penting dalam soal-soal tertentu, apa soalan sekali pun dia akan jawab. Begitu juga kalau Yang Berhormat dari Tanjong tanya kepada saya, tak sepatutnya Yang Berhormat dari Tanjong buat komen berkenaan dengan kes Kota Melaka, sebab Kota Melaka anak dia. Tetapi kita tidak boleh marah kepada Kota Melaka sebab dia Ketua Pembangkang apabila ada kes-kes sudah tentu pemberita-pemberita akan berjumpa Ketua Pembangkang hendak minta pandangan, mengapa kalau Perdana Menteri cakap salah, kalau dia cakap okey. Ini yang kita katakan tidak berlaku keadilan dalam soal ini, kita tidak pernah pertikaikan. Kalau tanya kepada saya, Tanjong tidak sepatutnya bercakap tentang Kota Melaka, sebab anak dia, conflict of interest, bagilah Jelutong cakap, Teluk Intan, lawyer cakap. Tetapi kita tak pernah kata dalam surat khabar tak patut kata, sebab kita kata dia Ketua Pembangkang, dia bolehlah nak beri komen, itu kerja dia. Pemberita sudah tentu akan mengerumuni dia nak tanya soalan, begitu juga Perdana Menteri, tidak berlaku use a passion of power semata-mata kerana dia memberi pandangan Perdana Menteri. Jadi sebab itu bila kita buat okey, bila orang lain buat tidak okey, kita jangan macam itu.

Tuan Yang di-Pertua, jadi oleh sebab itu saya di sini ingin menyatakan bahawa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai use a passion of power yang dibangkitkan dalam hujahnya itu, saya itu tidak boleh kita pakailah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri, cuba untuk trivialisasi tuduhan yang serius sama ada mengenai selective prosecution yang dilakukan oleh Peguam Negara atau mengenai kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, masalah di sini ialah kedudukan unik jawatan Perdana Menteri bukan orang-orang yang lain di mana oleh kerana peranannya dalam segala perlantikan dan promotion semua hakim sama ada di peringkat Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan ataupun Mahkamah Persekutuan dan boleh mempengaruhi proses rayuan mana-mana kes. Dan sebab itulah apa kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh beliau bolehlah nampak sebagai use a passion, fungsi-fungsi mahkamah, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh faham, tidak boleh menerima, kita tahulah beliau terpaksa ikut sahaja. Tetapi itulah point of principle yang sangat mustahak, yang sangat penting mengenai prinsip kebebasan kehakiman.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abd. Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, itu pandangan dialah, dia nak kata saya trivialize, itu pandangan dia. Tetapi saya memberi jawapan yang betul. Dia hendak bangkitkan soal perlantikan hakim ini Perdana Menteri ada kuasa, ini bermakna dia tidak mengikuti perbahasan kita pada hari ini. Saya membenteng rang undang-undang yang akhir sekali saya kata selain itu pindaan kepada seksyen 10 adalah untuk membuat penyelarasan mengenai amalan perlantikan pegawai-pegawai kehakiman. Pada masa sekarang walaupun perlantikan dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong tetapi perlantikan ini adalah dibuat atas syor dari Ketua Hakim Negara. Di mana yang Perdana Menteri lantik hakim-hakim Mahkamah Tinggi ini? Amalan kita selama hari ini adalah di atas syor Ketua Hakim Negara. Dan sekarang ini hendak dijadikan undang-undang kuasa ini, bermakna Ketua Hakim Negara yang mengesyorkan kepada Yang di-Pertuan Agong siapa yang layak menjadi hakim, Yang Berhormat Tanjong ingat Perdana Menteri kenal ke dengan hakim-hakim di bawah ini? Macam Gopal Sri Ram ke? Siti Normah Yaakob, Dennis Ong, Joseph, Yang Berhormat Tanjong ingat Perdana Menteri kenal semua ini ke? Ini yang dilantik ini semua Perdana Menteri kenal ke? Ada 70 lebih hakim, ingat Perdana Menteri kenal semua ke? Sebab itu kita hendak kata, sebab dia menyatakan bahawa Perdana Menteri terlibat secara langsung dalam perlantikan ini adalah tidak benar. Itu merupakan satu perkara tuduhan yang melulu, dalam rang undang-undang ini pun kita hendak jadikan sebagai undang-undang semua syor dari Ketua Hakim, dia yang pilih, dia yang tahu siapa. Perdana Menteri tidak kenal pun sesiapa yang menjadi hakim ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Minta penjelasan, nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu Perlembagaan negara kita. Saya rujuk kepada Perlembagaan perkara 40 (1A) yang dipinda dalam tahun 1994. yang berbunyi "*(1A) in the exercise of his functions under this Constitution or federal law, whether Yang di-Pertuan Agong is to act in accordance with the advice, on advice or after considering advice, the Yang di-Pertuan Agong shall accept and act in accordance with a such advice*" ialah advice Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Oleh kerana sebelum 1994 ada pertikaian sama ada Yang di-Pertuan Agong perlu menerima advice, mengikuti advice dan itu sangat jelas. Kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri mahu memutarbelit apabila kata perlantikan oleh Yang di-Pertuan Agong ialah with advice Perdana Menteri, ini very open, kenapa mahu memutarbelitkan. Sebab sungguhpun perlantikan seorang hakim, apa-apa peringkat atas nama Yang di-Pertuan Agong tetapi atas keputusan yang dibuat oleh Perdana Menteri. Itulah apa yang termaktub dalam Perlembagaan kita. Itu sangat nyata, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan memutarbelit perkara ini.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abd. Aziz:** Orang selalu tuduh putar belit, dia kaki putar belit. Yang Berhormat, memang dalam Perlembagaan kerana sistem kerajaan kita adalah sistem raja berperlembagaan. Kalau tidak tulis macam itu, bermakna Agonglah yang buat semua, maknanya kalau tidak ditulis dalam Perlembagaan begitu. Jadi sebab itu oleh kerana sistem raja berperlembagaan maka mesti on the advice of the Prime Minister. Sebab yang dipilih oleh rakyat ini Prime Minister dan saya fahamlah Yang Berhormat tidak erti, sebab Yang Berhormat tidak duduk dalam kerajaan. Prime Minister ini bukan dalam satu masa dia boleh berada dipelbagai tempat. Kita ada delegation of powers, betul atas caranya ialah sistem, Agong buat apa-apa atas nasihat Perdana Menteri, itu dia punya prinsipal, tetapi pelaksanaan sebenarnya the Prime Minister, dengan izin, he is not aspected to know everything. Di bawahnya Petronas, JPA di bawahnya, dengan izin, do you really think Perdana Menteri tahu siapa hendak jadi ketua jabatan di Kementerian Pendidikan, sudah tentu kuasa ini diberikan kepada Chief Secretary, acting bagi pihak Perdana Menteri. Jadi kita delegate power kita ini.

Jadi dalam soal perlantikan ini syornya datang daripada Ketua Hakim. Ketua Hakim yang kenal dengan peguam yang sudah 10 tahun, 15 tahun, mana Perdana Menteri tahu. Tetapi saya tak marahlah dengan Tanjong sebab dia tidak pernah duduk dalam kerajaan, tak pernah menang pun, tidak akan tubuh kerajaanlah, so I'm understand that you did not understand the system.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan, itu bukan understand, tidak understand, tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata sangat luar biasa. Oleh kerana bukan sahaja, tadi saya ada sebut perkara 40 (1A) di sini saya mahu sebut artikel 122 B (1). yang sangat jelas yang berbunyi;

*“the Chief Justice of the Federal Courts, the president of the court of the appeal and the Chief Judges of the High Court and other judges of the Federal Court of the court of appeal and the High Court shall be appointed by the Yang di-Pertuan Agong acting on the advice of the Prime Minister after consulting the Conference of Rulers”.*

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berdiri dan berkata bahawa apabila perkara 122 B (1). berbunyi bahawa *“shall be appointed by the Yang di-Pertuan Agong acting by the advice of the Prime Minister.....”* adalah acting on the of the advice delegated authority kepada Chief Secretary. Yang pertama, adakah kuasa ini didelegated dan siapa yang memberi kuasa delegasi, dan yang kedua, adakah ini bererti bahawa ini adalah Chief Secretary. Dan saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan dengan teliti dan bertanggungjawab.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, dia peguam tapi dia tidak faham constitutional administrative law, that is statement of principal yang menunjukkan bahawa sistem pentadbiran negara kita ialah Raja Berperlembagaan. Itu statement of principal, apa perlantikan on the advise of the Prime Minister. Bila dilaksanakan, saya nak tanya, okay - rang undang-undang (No.3), subseksyen 10(1) *“..... akta itu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “The Yang di-Pertuan Agong” perkataan “on the recommendation of Chief Justice”.* Mengapa tidak tulis terus *“on the recommendation of the Prime Minister”?* Ini statement of principal menunjukkan bahawa sistem pentadbiran negara kita ialah Raja Berperlembagaan. Sebab itu pada tiap-tiap ayat dalam Perlembagaan mesti disebut, *“on the advice of the Prime Minister, the Yang di-Pertuan Agong.....”* Ini kita punya sistem....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua faham, dia tidak faham, susah.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah tidak boleh panjang-panjangkan soal ini...

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak mahu panjangkan tetapi dia tidak faham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Sila teruskan perkara yang lain Yang Berhormat. Telah cukup perbahasan kita dalam perkara ini. Sila teruskan. Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jangan beri dia tanya lagi soalan. Saya tidak ada apa, jangan dia tanya lagi. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dia tidak faham.....

**Tuan Lim Kit Siang:** [Bangun] [Menyampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tanjong sudahlah... Sila sambungkan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jangan emotional, relax.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ikut style Kota Melaka. Kota Melaka advised bapa dia, jangan .....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini cari pasallah, Tuan Yang di-Pertua, ini cari pasal. Boleh saya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat duduk, duduk. Tidak ada sebab itu hendak bangun berucap. Sudah, sudahlah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Okay, okay. Cari pasal..... Minta jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila sambungkan ucapan tadi.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak beri jalan, tadi Tuan Yang di-Pertua .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Diselamatkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, jadi perkara Tanjong habis dah. Saya pergi kepada Batang Lumar yang bertanya kepada saya sebenarnya apakah pengukur (yard 'stick') pengukur keyakinan terhadap badan kehakiman. Saya sudah sebut satu daripadanya tadi iaitu general election. Sebab kehakiman ini dikaitkan hampir dengan kerajaan kemudian dalam Pilihanraya 1995 pembangkang menjadikan isu besar keyakinan kehakiman dalam kempen-kempen pilihan rayanya. Dia kata sambutan 10 tahun kurang keyakinan kepada kehakiman tetapi selama 2 tahun dah ada dua kali pilihan raya. Walaupun menjadi isu besar soal keyakinan terhadap kehakiman, Barisan Nasional menang juga, sebab itu pembangkang selalu cerita rakyat tidak yakin. Pada hal dia seorang *[Ketawa]* sahaja, itupun kerana personal interest. Anak dia punya hal. Oleh sebab itu kita tidak boleh pakai dia punya pandangan. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, sebagai jawapan yang pertama kepada Batang Lumar ialah pertamanya pilihan raya itu merupakan pengukur keyakinan terhadap badan kehakiman dan yang keduanya, seperti disebut oleh Yang Berhormat itu adalah betul. Kalau rakyat tidak yakin kepada badan kehakiman kita akan melihat akan berlaku kekurangan dalam soal membawa pertikaian kes ke mahkamah. Tetapi sebagaimana yang kita tahu seperti yang disebut oleh Machang bagaimana dia menceritakan bahawa begitu pesat badan kehakiman kita daripada satu hakim di Kota Bharu sekarang sudah jadi tiga hakim. Dahulu Kota Bharu jaja Kota Bharu dan Terengganu. Sekarang Kota Bharu ada tiga. Terengganu ada satu.

Ini menunjukkan bahawa tidak kurang keyakinan orang untuk membawa kes pertikaian mereka ke mahkamah. Jadi ini jelas menunjukkan bahawa walaupun Ketua Pembangkang kata rakyat tidak yakin tetapi rakyat sebenarnya yakin. Jadi cara pengukuran keduanya ialah dengan melihat bertambahnya kes yang dibawa ke mahkamah dan Teluk Intan sendiri menceritakan masalah jurubahasa. Maknanya banyak keslah itu, kita sampai jurubahasa tidak ada. Banyak keslah. Jadi, ini disahkan oleh Teluk Intan sendiri bahawa tidak ada kurang keyakinan rakyat kepada badan kehakiman kita. Jadi Yang Berhormat sebut betul dan disahkan oleh Teluk Intan. Kalau Yang Berhormat tanya apakah pengukurnya saya rasa yang saya nampak pada waktu ini ialah:

- (i) pilihan raya dua kali kita menang semenjak 1988 bermulanya kurang keyakinan mengikut Ketua Pembangkang kepada badan kehakiman; dan
- (ii) bertambahnya kes yang dibawa ke mahkamah untuk diselesaikan pertikaian itu. Ini memang merupakan pengukur kepada keyakinan terhadap badan kehakiman.

Yang Berhormat juga sebut berkenaan dengan terjejas kes yang boleh menyebabkan orang hilang keyakinan kepada badan kehakiman bukan kerana tindakan Peguam Negara ataupun keputusan yang tidak memihak kepada pembangkang. Sebenarnya orang akan hilang keyakinan kalau sekiranya yang disebut oleh Machang - 'justice delay is justice deny'. Inilah kalau kita tidak memperbetulkan suasana ini kerana kalau orang tengok, kes 10 tahun baharu hendak selesai. Ini akan mendatangkan kurang keyakinan orang kepada mahkamah. Sebab itu kita kena

perbetulkan kes-kes seperti ini dan kerajaan berusaha malah menerusi Rang Undang-undang ini juga satu usaha untuk mempercepatkan kes-kes supaya tidak berlaku kurang keyakinan rakyat terhadap badan kehakiman.

Jadi sebab itu kita akan sentiasa berusaha untuk mempercepatkan keputusan mana-mana perkara yang dibangkitkan yang dirasakan boleh menjejaskan sepertimana 'ground of judgement' lambat. Ini semua boleh mendatangkan kurang keyakinan orang kepada badan kehakiman dan kita mesti mengambil perhatian yang berat berkenaan perkara-perkara seperti ini sebagaimana yang dibangkitkan oleh Machang dan Teluk Intan sebentar tadi. 'Ground of judgement' setengah orang tidak beri alasan judgement itu, jadi ini akan mendatangkan kurang keyakinan bukannya keputusan yang tidak memihak kepada pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Batang Lupar dan dari Teluk Intan juga membangkitkan berkenaan penterjemah yang kurang. Sebenarnya Yang Berhormat saya faham dan masalah ini telah pun dibangkitkan banyak kali dan kita berikhtiar berbagai-bagai cara untuk mengatasi masalah ini. Di antaranya untuk mengatasi masalah ini kita terfikir untuk hendak swastakan sebab Yang Berhormat sebut kata orang India pun banyak bahasa, bahasa 'Kanada' ada, bahasa Telegu tetapi sebenarnya berapa kali kes didengar yang melibatkan kepada orang yang menggunakan bahasa Telegu. Jadi kalau kita ambil satu interpreter khusus dialek Telegu mungkin dalam satu tahun dia terlibat dalam dua tiga kes. Akhirnya bila tidak ada kes yang melibatkan penggunaan bahasa itu maka dia tidak akan ada kerja. Sebab itu kita lihat bahawa dalam masa kita sedar penting untuk kita menyediakan ini tetapi dalam masa yang sama daripada soal 'practicality'nya. Sebab itu saya nampak mungkin kita akan pergi ke arah itu suatu hari perkara ini akan diswastakan dan apabila ada keperluan maka suka tidak suka pihak yang terlibat dalam kes ini terpaksa membayar penggunaan interpreter itu. Mungkin tidak akan dibayar oleh pihak mahkamah.

Jadi saya rasa ini satu perkara yang dengan izin, we heading towards it. Berbagai-bagai telah kita buat. Sebagai contoh kalau kita hendak menaikkan gaji interpreter dengan izin, kepada satu tahap yang tinggi maka qualification, dengan izin mesti tinggi. Kalau hendak naikkan gaji tinggi lumayan, graduate punya gaji maka interpreter itu mesti seorang graduate kelulusannya ijazah. Ini sekali lagi akan menyebabkan banyak lagi kalangan interpreter yang sekarang tidak ada ijazah yang mungkin tidak boleh digunakan sebagai interpreter. Jadi ada banyak masalah yang kita hadapi dalam perkara ini dan percayalah kita sentiasa berikhtiar bagaimana untuk mengatasi masalah ini.

Macam Yang Berhormat sebutkan tadilah - panggil interview. Kerajaan bersungguh-sungguh ini, badan kehakiman hantar empat orang, serius ini nak wawancara interpreter, akhirnya pergi tidak ada. Jadi bukan salah kita, kita sudah panggil orang untuk interview, tetapi orang tidak minat, hendak buat macam mana? Tetapi kalau kita hendak bayar RM4,000 itu sudah menjadi gaji pemegang ijazah yang bekerja dengan kerajaan mungkin 10 tahun, jadi susah untuk kita mengatasi masalah ini.

Walau bagaimanapun, mungkin Yang Berhormat sendiri menyatakan tidak bersetuju kalau diswastakan tetapi saya nampak akhirnya mungkin kita tidak ada pilihan, sebenarnya satu hari mungkin ia terpaksa diswastakan dan mutunya dinaikkan dengan menjadi satu profesion - interpreter ini yang mana dia akan dipanggil untuk menghadiri kes-kes dan berikan bayaran yang lumayan kepada dia. Kalau tidak memang sukar untuk kita mengatasi masalah penterjemah ini.

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Teluk Intan bangun, Yang Berhormat. Boleh tidak?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Boleh, boleh, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan jurubahasa adalah satu masalah yang tidak dapat diatasi dan satu dari caranya ialah seperti apa yang saya katakan nampaknya kerajaan ingin menswastakan sektor itu. Nampaknya penswastaaan semua sektor di kerajaan adakah masa akan tiba tidak lama lagi di mana hakim-hakim juga akan diswastakan?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Hakim tidak boleh swastalah, sebab kalau hakim diswasta, maka bermakna, Yang Berhormat sendiri tahu, dia boleh makan duitlah, swasta dia komersial. Tetapi itulah Yang Berhormat sendiri pun kadang-kadang marah. Saya ingat semasa menggulung dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, kalau kita bagi ijazah sebenarnya kepada jurusan-jurusan tertentu, ijazah untuk mereka yang buat undang-undang, sebenarnya kita hendak ikat dia supaya kita bagi dia biasiswa, maka dia akan dapat biasiswa dan jadi peguam dan kita ikat dia bekerja dengan kita. Dari situ kita akan jadikan dia hakim semua. Jadi, dari soal hakim memang kita sentiasa memastikan cukup untuk orang menjadi hakim dan sebab itu kita bagi biasiswa. Yang Berhormat kena sokonglah, bagi biasiswa kepada mereka yang buat undang-undang ini, kalau kita fikir memang satu perkara yang tidak patut, tetapi sebenarnya kita bagi biasiswa kepada mereka supaya kita dapat mengikat mereka berkhidmat dengan kerajaan sebagai hakim dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ini masih lagi soalan dari Batang Lupar, Yang Berhormat mencadangkan supaya diberikan steno kepada tiap-tiap hakim dan majistret. Saya rasa itu satu cadangan yang baik cuma masalah Yang Berhormat ialah apabila steno yang merekodkan semua proceeding itu maka apa yang steno itu buat akhirnya akan menjadi rasmi. Steno pun manusia juga, kadang-kadang dia terlepas satu ayat ke, apa ke dan sebenarnya dia menaip atau dia menulis mengikut pandangan dia, jadi akhirnya nanti ianya akan menjadi hakim punya recording tetapi direkod oleh steno, jadi boleh dipertikaikan. Yang Berhormat tahulah, dalam mahkamah ia boleh dipertikaikan, betul – ini statement, tetapi statement ini dibuat oleh steno.

Sebab itu kita masih lagi perlu hakim kita sendiri supaya tidak boleh berlaku pertikaian berkenaan dengan statement yang dibuat dalam mahkamah itu. Jadi sebab itu prosesnya masih lagi slow, bukan tidak boleh bagi steno, boleh bagi tetapi akan berbangkit di mana orang akan mempertikaikan statement yang direkodkan oleh steno itu tadi, kerana steno adalah steno. Dia bukan merupakan rekod yang ditulis sendiri oleh hakim, jadi dia ada dia punya 'pros and cons' dia. Sebab itu kita pada hari ini tengok proses kita slow di mahkamah, masih lagi hakim menulis sebab bila dia menulis orang confident, ini memang direkod sendiri oleh hakim, bukan dari segi pandangan steno ke atau ditulis oleh steno ke? Jadi banyak benda-benda yang perlu kita ambil kira walaupun kita kesian kadangkala kita tengok hakim, dia menulis sendiri tetapi sebenarnya bukan steno kepada hakim ini dengan izin, any ordinary steno, yang kita tengok hari-hari dia buat itu, dia berkelulusan tinggi itu sebenarnya, mungkin dia sendiri pun, selain dia ada kelulusan steno dia juga ada kelulusan undang-undang, itu kita tidak tahulah.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sedikit sahaja Yang Berhormat. Saya terimalah penjelasan Timbalan Menteri tetapi macam mana kalau kita beri kursus steno dengan semua orang yang hendak menjadi hakim dan majistret ini dan bagi elaan yang berpatutan dengan kelulusan yang mereka terima. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Pengalaman saya dalam kementerian ini, nak jadi steno hakim ini pun, nak cari orang cukuplah susah. Dia tidak hendak kerja sebab jadi steno (secretary) hakim ini, macam hakimlah, dia juga tidak boleh bercampur dengan orang, jadi memang sukar untuk mencari secretary kepada hakim, saya tahu. Saya pergi melawat Perlis, saya tanya, kadang-kadang hakim cerita kepada saya, dah 2 tahun jadi hakim, tidak ada secretary. Kita minta daripada kementerian tertentu yang mempunyai steno yang senior yang memang ada pengalaman suruh pergi jadi secretary hakim, dia tidak mahu sebab mungkin dia dah

ada kerja yang bagus, jadi dia tidak mahu. Jadi ini juga macam interpreterlah, jadi sebab itu saya rasa bukan perkara mudah untuk kita atasi ..... Mahu tanya, oh, okey.

**Tuan Jimmy Donald:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Jimmy Donald:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang saya nampak walaupun ada steno, hakim masih gunakan komputer dan melambatkan masa. Adakah ini satu praktis yang digalakkan?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kita memang menggalakkan pakai komputer, kalau dia lambat itu pasal dia baru, tetapi memang kita galakkan, kalau hakim pakai komputer lagi bagus. Saya pergi ke Tawau dahulu, ada seorang hakim itu dia memang pakai komputer, dia komputer semua, memang bagus. Kemudian dia tekan, keluar habis semua transcript dia. Itu bagus, saya rasa kalau hakim dia boleh menaip dan pakai komputer, itu lagi baik, dia goyang sendiri tangan dia, itu lebih baik, ya.

Untuk menjawab soalan dari Sri Aman, ya memang kita menggalakkan supaya hakim kalau boleh dia menggunakan komputer. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Teluk Intan bangun ya, nak beri jalan?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Boleh, boleh beri.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Nombor satu, penjelasan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar pada tahun 70-an, semua hakim di Mahkamah Tinggi ada steno dan mereka telah apa yang dikatakan 'absorb' dalam civil service dan kebanyakan dari mereka telah menjadi setiasaha kepada hakim-hakim dan kebanyakan dari orang yang sedang bekerja untuk hakim-hakim sebagai steno, masalah mereka adalah 'end of the day', dengan izin, dollars and cents. Jadi masalah oleh kerana kerajaan membuat dengan izin, 'posting' tetapi tidak memberi satu taraf yang boleh diterima atau 'special class'. Jadi itulah masalah saya rasa kerana kalau seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa mendapatkan orang-orang macam itu sangat susah, saya dengan rendah diri katakan itu tidak benar kerana pertama di Amerika, dengan izin, steno is widely use in all courts. Jadi kalau itu tidak ada masalah di sini, kita pun tidak ada masalah. Masalahnya kita hendaklah berterus-terang, 'come to straight' kepada masalah dia adalah 'dollars and cents', setuju tidak?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak setuju *[Ketawa]*. Di Amerika, lain suasananya dengan Malaysia. Macam di sini, rakyat Malaysia, katakanlah kalau gajinya sama sebagai steno dan dia dapat gaji yang sama dengan kerja yang lebih mudah di kilang, dia pergi ke sana. Sebab kita punya pembangunan ekonomi begitu pesat, soal hendak mewujudkan satu class, kalau steno kita dinaikkan ke satu peringkat yang tinggi, interpreter minta pula, jadi tidak berhenti, maka semua hendak special. Jadi kalau semua hendak special, tidak ada siapa yang special. Jadi tidak semudah Yang Berhormat fikir bahawa kita boleh mengatasi masalah ini. Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Yang Berhormat, masa sudah cukup Yang Berhormat, ya.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, terima kasih, besok ya!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sambung besok Yang Berhormat ya. Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**